

# CREATE

*Untuk menjadi universiti pilihan pertama,  
bertaraf dunia dan berjenama*



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
High Quality • Technological • Creativity

April - Jun 2009



**"Panggilan  
Orang Kita  
berbunyi lebih  
manis, lembut  
dan bersifat  
kekitaan "**

- KDYTM Tengku Puan Pahang

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Semua Universiti Teknikal  
Malaysia akan memperluaskan  
jalinan kerjasama dengan  
beberapa universiti luar negara  
mengikut pasaran tertentu



keselamatan dan  
kesihatan pekerjaan  
dan juga isu-isu  
berkaitan dengan  
Sumber Manusia



**Aspiring To Be The First Choice,  
World Class And Branded University**

# Sidang Editorial

## PENANUNG

Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing  
Nasir Ibrahim  
[daing@ump.edu.my](mailto:daing@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
[arahan@ump.edu.my](mailto:arahan@ump.edu.my)

## EDITOR

Safriza Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)

Nadzariah Mohamed  
[nadzariahmd@ump.edu.my](mailto:nadzariahmd@ump.edu.my)

Arman A. Rahim  
[arman@ump.edu.my](mailto:arman@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais  
[hilmy@ump.edu.my](mailto:hilmy@ump.edu.my)

Ahmad Reduan Mohd Yusof  
[reduan@ump.edu.my](mailto:reduan@ump.edu.my)

Siti Aishah Ghani  
[sitiaishah@ump.edu.my](mailto:sitiaishah@ump.edu.my)

Muhammad Azli Shukri  
[mdazli@ump.edu.my](mailto:mdazli@ump.edu.my)

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Mohd. Rozmillah Othman  
[rozmillah@ump.edu.my](mailto:rozmillah@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

Nor Yazi Khamis  
[nyazi@ump.edu.my](mailto:nyazi@ump.edu.my)



## PEREKAA GRAFIK

Azman Md Diah  
[azmanm@ump.edu.my](mailto:azmanm@ump.edu.my)

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairul Aidilnishah Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz  
[hafizatul@ump.edu.my](mailto:hafizatul@ump.edu.my)

## Norhafizah Fadzillah

[nhafizah@ump.edu.my](mailto:nhafizah@ump.edu.my)

## PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
[mahdi@ump.edu.my](mailto:mahdi@ump.edu.my)

Buletin CREATE diterbitkan empat kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184/8057  
Faks : 09-549 3199  
e-Mel : [create@ump.edu.my](mailto:create@ump.edu.my)

# Dari Meja Ketua Editor

## Paradigma baharu istilah ORANG ASLI kepada ORANG KITA

Salam Create.

Assalamualaikum wbt.dan salam sejahtera.

Apa khabar semua? Salam CREATE untuk semua pembaca. Bertemu kembali untuk edisi CREATE yang seterusnya.

Banyak ruang yang perlu dimantapkan lagi bagi menepati citarasa para pembaca sekalian yang semakin sesuai dengan peredaran masa. Saya tidak menjanjikan ‘bulan atau bintang’ tetapi berdiri dalam dunia realiti. Sidang Editorial CREATE akan berusaha untuk memantapkan pengisian dan persembahan bagi memenuhi inspirasi pembaca semua.

Saya bagi pihak pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) merakamkan jutaan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Al-Mutawakkil ‘Allallah Sultan Iskandar Al-Haj kerana berkenan mencemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku ‘Haknuk’ dan Perasmian Karnival Usahana UMP baru-baru ini. Ternyata saranan Tunku Azizah terhadap istilah ORANG KITA digunakan bagi menggantikan ORANG ASLI sebagai tanda hormat peribumi berkenaan amat tepat. Saya yakin panggilan ORANG KITA agak berbunyi lebih lembut, manis dan bersifat kekitaan. Semoga penggunaan istilah ini dapat merapatkan jurang yang wujud antara masyarakat ORANG KITA dan kaum lain di negara ini di samping memartabatkan golongan peribumi.

Bertitik tolak kepada hasrat dan falsafah Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam pidato khas sempena setahun pentadbiran beliau di UMP baru-baru ini, beliau melahirkan hasrat supaya seluruh warga UMP menyokong penuh gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Justeru, marilah kita bersama-sama menjayakan hasrat murni tersebut kerana sesungguhnya konsep 1Malaysia di UMP menggambarkan satu tujuan, satu tekad dan komitmen serta berkongsi nilai sejagat untuk mencapai objektif organisasi.

Kepada semua staf UMP, bekerjalah dengan penuh rasa tanggungjawab dan saling mempercayai. Lorongkanlah semua niat kita untuk kebaikan dan percayaalah yang Allah SWT akan memberkati usaha jika kita ingin berkongsi ilmu dan memberi kebaikan kepada orang lain. Hadapilah setiap cabaran mendatang dengan rasa yakin diri.

Di CREATE, kami amat menghargai sokongan anda untuk mengimarahkan pelbagai aktiviti penerbitan universiti. Teruslah menghantar sumbangan artikel anda ke Editor CREATE untuk diterbitkan. Luangkan sedikit masa bersama kami dan insya-Allah kami akan terus memberikan yang terbaik kepada pembaca semua.

Akhir kata, jadikanlah hati kita selemak durian, semanis manggis, insya-Allah kehidupan menjadi manis sepanjang masa.

Selamat menyambut Hari Pekerja 2009.

**Abd. Rahman Hj Safie**

# UMP terbit buku cara hidup suku kaum Semai

## Haknuk



Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku Haknuk dan Perasmian Karnival Usahanita UMP oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Kahang Tengku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar pada 16 Jun 2009 di Dataran Canseleri, UMP.

UMP menerbitkan buku 'Haknuk' itu bagi merakam pengalaman maklumat, latar belakang, kegiatan ekonomi dan kebudayaan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai Kampung Kuala Boh, Cameron Highlands, Pahang untuk rujukan masyarakat.

Tunku Azizah dalam ucapan perasmianya menyarankan agar istilah Orang Asli yang sering digunakan selama ini perlu diubah kepada istilah Orang Kita.

"Panggilan Orang Kita berbunyi lebih manis, lembut dan bersifat kekitaan manakala istilah Orang Asli berbunyi agak kasar.

kerana masyarakat Orang Kita dan orang Melayu adalah dari rumpun yang sama.

"Saya berharap penggunaan istilah ini dapat merapatkan jurang yang wujud antara masyarakat Orang Kita dan kaum-kaum lain di Malaysia," katanya.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, penerbitan buku itu bertujuan untuk mendedahkan perbezaan dan persamaan cara hidup kaum minoriti tersebut.

"Projek ini adalah daripada inspirasi seorang pelajar Orang Asli sulung UMP, Maslinda Samad pada tahun lalu.

'Haknuk' yang bermaksud 'kasih' dalam bahasa Semai merakamkan perjalanan dan pengalaman pelajar UMP menjalankan aktiviti projek 'Semaian Kasih' bersama suku kaum Semai di Kampung Kuala Boh, Cameron Highlands pada 16 Oktober tahun lalu.

"Pengalaman pelajar amat berguna keranamereka juga akan bercampur dengan masyarakat apabila tamat pengajian kelak.

"Kita menggalakkan mereka bergaul dengan semua masyarakat kerana mereka akan menjadi agen perubahan dan peneraju masyarakat serta negara," katanya.

Sempena pelancaran buku itu juga, UMP turut mengadakan Karnival Usahanita UMP bagi mempromosikan pelbagai produk jualan kepada pengunjung.

Karnival ini turut mendapat sokongan Pusat Pengembangan Tenun Diraja Pahang yang memperkenalkan kehalusan seni dan khazanah berharga negeri ini.



"Malah, masyarakat mereka (warga perbumi) sendiri tidak suka memanggil Orang Asli kerana ia seperti merendahkan mereka.

"Kita tidak boleh asingkan mereka kerana berada di sini sebelum kita dan mereka sangat berbakat dalam menghasilkan seni kraftangan yang cantik," titahnya.

Sementara itu, pemimpin masyarakat Orang Kita dari Kuala Boh turut menyokong penggunaan istilah Orang Kita bagi menggantikan Orang Asli.

Menurut Tok Batin, Nordin Abu Bakar, penggunaan Orang Kita adalah lebih sesuai





## Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia adakan Lawatan Kerja ke UMP

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah telah mengadakan lawatan kerja ke Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk membincangkan proses kerjasama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan The Northern Consortium UK Limited (NCUK) pada 28 Mei 2009 yang lalu.

Menurut Dato' Saifuddin, kerjasama ini dibentuk bagi menubuhkan satu Kampus Antarabangsa pelbagai Universiti atau Multi-University International Campus (MUIC).

"Kampus ini akan berfungsi sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran pegangan bersama sebelas universiti di bawah NCUK dan empat universiti MTUN.

"MUIC ini akan ditempatkan di semua universiti di bawah MTUN yang terdiri dari Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)," katanya.

Lawatan itu adalah yang pertama dilakukan oleh beliau semenjak dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Dato' Saifuddin sebelum itu diberikan taklimat oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Pengarah Eksekutif & Akademik, Dr. Terry Jeves.

Beliau juga dibawa melawat ke kampus tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan bagi meninjau pembangunan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada pelajar.

Sementara itu, Naib Canselor UMP ketika ditemui berkata, sebagai ahli kepada MTUN, UMP bersedia memperkuuh jalinan kerjasama yang strategik dengan beberapa universiti luar negara yang berpotensi seperti di Timur Tengah dan China.

Melalui forum di MTUN, UMP dan semua Universiti Teknikal Malaysia akan memperluaskan jalinan kerjasama dengan beberapa universiti luar negara mengikut pasaran tertentu bagi setiap universiti di bawah MTUN.

"Hubungan kerjasama antara MTUN dan NCUK untuk mewujudkan MUIC ini bertujuan untuk menyediakan pusat pengajaran dan pembelajaran di mana para pelajar diberi peluang untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti di bawah NCUK atau MTUN.

"Dengan sokongan dan kerjasama dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, saya percaya setiap ahli MTUN dapat menjalankan peranan untuk mempromosikan Malaysia sebagai hub antarabangsa bagi pengajian tinggi negara," kata Daing Nasir selepas memberi taklimat kepada Dato' Saifuddin.

# UMP terima kunjungan Datuk Maznah Mazlan



Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Senator Datuk Maznah Mazlan yang dalam rangka lawatan rasmi ke Kuantan telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 27 April 2009 yang lalu.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama beliau ke UMP selepas memegang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Manusia.

Kedatangan Datuk Maznah ke kampus UMP telah disambut mesra oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapan alu-aluannya sangat mengalau-alukan kunjungan Yang Berhormat Senator Datuk Maznah Mazlan untuk mengenal UMP dengan lebih dekat lagi.

Manakala menurut Datuk Maznah, lawatan ini bertujuan untuk memahami dan mengetahui dengan lebih dekat lagi hala tuju UMP dalam memperkasakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan (*safety and health*).

Di samping itu, beliau juga ingin mendengar isu-isu yang ada dalam melaksanakan program tersebut.

Dalam pertemuan selama lebih kurang dua jam itu, Datuk Maznah diberi penerangan ringkas oleh Pengarah Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Mohammad Rozi Hassan berkaitan program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah ditawarkan kepada industri dan pendedahan awal kepada staf dan para pelajar UMP.

Selain itu, Datuk Maznah turut bertukar-tukar pandangan tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga isu-isu berkaitan dengan Sumber Manusia di UMP.

## 2 Ahli LPU, TNC terima anugerah daripada Sultan Pahang



Dato' Rohani binti Abdullah



Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman



Profesor Dato' Dr. Sabarudin bin Mohd.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Berbahagia Datin Rohani Abdullah dan Yang Hormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman serta Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd. telah dikurniakan dengan darjah kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Ke-79 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah baru-baru ini.

Datin Rohani dan Profesor Dr. Sabarudin masing-masing menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'.

Manakala Dato' Abdul Aziz pula menerima Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah peringkat pertama, Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato Sri.

Sidang editorial CREATE mengucapkan tahniah kepada semua penerima darjah kebesaran.



## **Warga UMP diseru realisasikan hasrat PM dalam 1Malaysia**

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyingskap hasrat Perdana Menteri Malaysia , Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak menerusi slogan `1Malaysia' ketika menyampaikan Pidato Khas Sempena Satu Tahun Pentadbiran beliau sebagai Naib Canselor UMP baru-baru ini di Astaka, UMP.

Menurut beliau, sebagai sebuah universiti yang menjadi agen perubahan masyarakat slogan 1Malaysia amat kosisten dengan slogan yang diperkenalkan sejak pertama kali beliau melangkah ke UMP iaitu `Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Dipandui Prestasi'.

"1Malaysia menuntut warga negara mengenal diri sebagai satu bangsa Malaysia yang bebas daripada belenggu perbezaan semula jadi seperti etnik, agama, budaya, bahasa, dan loghat.

"Ianya menjanjikan peluang yang terbuka setiap warga Malaysia untuk gigih berusaha dengan menitikberatkan kepentingan hal ehwal kemanusiaan.

"Melihat kepada perspektif universiti, masyarakat di UMP tidak menggambarkan masyarakat Malaysia dengan kepelbagaiannya kaum, memandangkan kajian menunjukkan majoriti staf di UMP berbangsa Melayu," ujarnya lagi di hadapan kira-kira 500 orang staf ketika menyampaikan pidato bertajuk '1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan: Pengertian dan Amalan Untuk UMP'.

Namun begitu katanya, pendekatan 1Malaysia di UMP diertikan sebagai warganya mempunyai satu tujuan (*one purpose*), satu tekad dan komitmen, berkongsi nilai sejagat yang murni untuk mencapai objektif organisasi dan aspirasi individu.

Jelasnya, kepelbagaiannya gred jawatan, pangkat, kepakaran dan pengkhususan tidak seharusnya menjadi punca kurangnya pemuaafakan.

"UMP sebagai institusi berteraskan pengetahuan menjunjung tinggi para ilmuan, buah fikiran, perbezaan, pendapat dan kepelbagaiannya pandangan yang menjurus kepada kreativiti, inovasi dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

"Dalam menekankan slogan `Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Diipandui Prestasi', pencapaian pasti diutamakan.

"Dengan menziarahi semula kaedah kita menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi (LPP), pencapaian tugas akan diutamakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pencapaian bukan sekadar menyenaraikan apa yang telah kita lakukan dan telah berlaku malah ia adalah hasil yang dinilai dari segi kesan dan impak.

Terdahulu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir mengimbas sejarah setahun berlalu bagi membuat penilaian tentang apa yang dicapai berdasarkan beberapa perkara yang boleh diukur berdasarkan akauntabilitinya sebagai pemimpin di UMP.

Antaranya ialah jumlah pelajar siswazah pada masa ini akan mencecah kepada 5,700 orang pada penghujung tahun ini dan geran penyelidikan pula meningkat kepada 5 juta berbanding 3 juta sebelum ini.

Turut hadir pegawai utama universiti dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

# Kesakitan bukan penghalang saya mendaftar di UMP

– Fazliani



Walaupun terpaksa berkerusi roda untuk bergerak, ternyata ia tidak menghalang Fazliani Hairuman, 20 untuk mendaftar sebagai pelajar baharu di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi Sesi Pengajian 2009/2010 pada 28 Jun 2009 baru-baru ini.

Fazliani yang patah kaki kirinya akibat kemalangan naas jalan raya di Sepang, Selangor pada Mei yang lalu hadir ditemani ibu dan bapanya.

Beliau yang tetap bersemangat seperti pelajar baharu yang lain merupakan anak peneroka di Felda Jengka 20, Maran.

“Walaupun menghadapi kesukaran untuk bergerak, saya bersemangat untuk mendaftar dan tidak menjadikan kecederaan yang dialami sebagai alasan untuk tidak hadir.

“Malah, saya juga akan menyertai Program Minggu Induksi Siswa (MINDS) yang diadakan selama seminggu,” katanya yang bakal mengikuti pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT).

Tambah beliau lagi, kegembiraan menerima tawaran belajar di UMP menyebabkan kesakitannya seakan-akan hilang.

“Semasa menerima surat tawaran, saya hanya fikir akan pergi daftar sahaja kerana tidak mahu terlepas peluang.

“Sekarang saya rasa lega kerana telah selesai mendaftar dan tidak sabar untuk menghadiri kuliah,” kata bekas pelajar Kuliyah Al-Lughah Waddin Pekan ini.

Jelas anak ketujuh daripada sembilan adik-beradik ini lagi, beliau teruja untuk mengikuti pengajian di UMP kerana kursus yang ditawarkan kepadanya berbeza dengan alirannya sebelum ini.

“Sebelum ini saya belajar aliran agama dengan memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang mana jauh dari bidang yang ditawarkan.”

“Tetapi itu bukanlah penghalang untuk saya belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita saya iaitu berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi,” katanya ketika mengakhiri perbualan.

***“Semasa menerima surat tawaran, saya hanya fikir akan pergi daftar sahaja kerana tidak mahu terlepas peluang.”***

# 1,565 pelajar baharu mendaftar di UMP

Kira-kira 1,565 pelajar baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi Sesi Pengajian 2009/2010 mendaftar di Kampus UMP pada 28 Jun 2009 baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata daripada jumlah itu seramai 1,402 orang mengikuti program di peringkat sarjana muda manakala 163 orang lagi bagi program diploma.

"Jumlah kemasukan ini dijangka bertambah berikutnya dengan permohonan penangguhan pendaftaran oleh ibu bapa pelajar."

"Pendaftaran hari ini melibatkan proses pendaftaran kursus, pembayaran yuran kemasukan, urusan asrama dan urusan kad pelajar."

"UMP juga turut menerima seramai 52 orang pelajar antarabangsa yang merupakan pelajar sulung sejak mula beroperasi pada tahun 2002 dan mereka dijangka mendaftar pada 3 Julai ini," ujarnya semasa hadir menyambut kehadiran pelajar baharu.

Tambah beliau lagi, buat pertama kalinya UMP telah menerima empat orang pelajar lepasan Maahad Tahfiz Negeri Pahang untuk menyambung pengajian di peringkat diploma dalam jurusan Kejuruteraan Kimia (Logi Proses) dan Kejuruteraan Awam.

"Ini merupakan hasil dari hubungan dan kerjasama antara pihak UMP dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang."

"UMP turut menjalankan langkah-langkah keselamatan bagi mengelak berlaku masalah tidak diingini seperti jangkitan virus Influenza A (H1N1) dengan membuka kaunter khas untuk pemeriksaan kesihatan."





“Kaunter ini bertujuan mengambil langkah berjaga-jaga dengan memeriksa tahap kesihatan pelajar. Jika ada yang dilihat berisiko dijangkiti penyakit atau demam yang serius, kita akan rujuk kes mereka ke pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Hanya pelajar yang bebas dari tanda-tanda ini akan dibenarkan meneruskan proses pendaftaran di ruang legar Blok W,” ujarnya.

Bagaimanapun jelasnya, buat masa ini tiada sebarang kes meragukan dan UMP akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap kesihatan pelajar berada pada keadaan terbaik.

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP pada tahun ini turut menawarkan lima program baharu di peringkat ijazah sarjana muda meliputi bidang sains, kejuruteraan dan sains komputer.

Antara program-program baharu yang ditawarkan termasuk Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia), Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Biomekanikal dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kejuruteraan Industri.

Beliau berkata, bagi Sesi Pengajian 2009/2010 ini juga UMP menawarkan 21 program ijazah sarjana muda dan lima program diploma melalui tujuh buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKSA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Eletronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) dan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Pendaftaran pelajar baharu peringkat diploma dan ijazah itu juga disusuli dengan program Minggu Induksi Siswa (MINDS) iaitu program suai kenal bermula dari 28 Jun hingga 4 Julai di Kampus UMP di Gambang.

Selain program taklimat mengenai usaha pembangunan pelajar, akademik dan kemudahan yang ada di universiti pelajar turut diberi penerangan mengenai peraturan universiti dan kolej kediaman serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).



# UMP bangunkan modal insan untuk terus bersaing



## PROFIL

**Nama:** Haji Mustafa bin Ibrahim

**Tarikh Lahir:** 11 Oktober 1956

**Tempat Lahir:** Perak

**Taraf Perkahwinan:** Berkahwin

**Pendidikan Tinggi:**

Sarjana Sains (Pengurusan Sumber Manusia), UPM dan Sarjana Muda Sastera Sains Sosial (Pengajian Asia Tenggara), Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.

### Pengalaman Kerja:

1. Pegawai Tadbir Universiti Putra Malaysia (UPM)  
Timbalan Pendaftar Kanan, Fakulti Kejuruteraan (2006), Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa (2005 -2006), Ketua Bahagian Pentadbiran, Fakulti Sains Pertanian & Makanan UPM Kampus Bintulu (2004 -2005), Ketua Bahagian Pentadbiran, UPM Kampus Bintulu (2003 -2004), Ketua Bahagian Komunikasi Korporat (1.03.2003 - 31.07.2003), Ketua Bahagian Akademik (2002 - 2001), Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (2000 - 2001), Ketua Bahagian Perkhidmatan (1996 - 1996), Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Perjawatan (1996 - 1996), Menanggung Kerja Ketua Bahagian Perjawatan (1992 - 1992), Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perjawatan (1989 - 1996), Menanggung Kerja Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perjawatan (1984 - 1989), Penolong Pendaftar, Bahagian Perjawatan (1984 - 1989), Penolong Pendaftar, Fakulti Kedoktoran Veterinar & Sains Peternakan (1982 - 1984), Pegawai Tadbir, Fakulti Kedoktoran Veterinar & Sains Peternakan (1979 - 1981).

2. Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP) (Kini)

### CREATE:

Pertamanya, saya bagi pihak Sidang Editorial CREATE ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji atas kesudian dan kelapangan masa untuk di temu bual pada keluaran kali ini. Sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP), tentu sekali Tuan Haji mempunyai visi dan misi dalam membawa UMP mencapai satu tahap yang cemerlang dalam bidang pentadbiran sejarah dengan hasrat universiti untuk menjadi Universiti Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjenama.

### PENDAFTAR:

Organisasi yang cemerlang bergantung kepada kecermerlangan dan kualiti staf di dalamnya. Staf adalah penjawat yang menerima pelantikan oleh Pihak Berkuasa UMP dan mempunyai ikatan kontrak dengan UMP untuk menyumbang kepada pencapaian visi, misi dan objektif UMP. Oleh itu, staf UMP merupakan aset bernilai dan penting untuk membawa UMP menjadi Universiti Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjenama.

Dalam menjayakan visi dan misi universiti, pengurusan sumber manusia telah menjadi satu seni yang mencabar, kompleks dan dinamik. Memang sukar untuk melahirkan staf yang cemerlang dan mempunyai ciri-ciri budaya kerja kelas pertama. Staf yang cemerlang mempunyai amalan terbaik dan terpuji serta melangkaui kebiasaan, namun ianya perlu disuburkan di dalam jiwa dan sanubari setiap penjawat. Aspek pemikiran, pengurusan perasaan dan dimanifestasikan melalui perlakuan, tindakan dan cara bekerja yang penuh berintegriti serta dapat memuaskan harapan semua pihak merupakan elemen penting dalam memastikan UMP terus berdaya saing dan berdaya tahan sebagai Universiti Pilihan Pertama.

Adalah menjadi harapan yang tinggi untuk mempunyai staf yang sentiasa pantas melakukan sesuatu dengan lebih cepat dan sentiasa memikirkan langkah-langkah memaju perkhidmatan dalam organisasi dan mempertingkatkan kualiti diri sendiri. Staf yang berkebolehan, memahami bagaimana orang lain melihat dan merasa terhadap sesuatu perkara serta berupaya menghayati kehendak orang lain secara komprehensif memberi jiwa dalam kecemerlangan organisasi. Bahkan, perkhidmatan yang diberikan sentiasa diperbaharui dan memupuk minda mencipta dan penambahbaikan supaya sesuai dengan perubahan semasa. Semangat jati diri yang tinggi dan mempunyai keunikan tertentu dalam menyampaikan perkhidmatan agar sentiasa diingati, dihargai dan mampu bersaing sehingga bertaraf dunia adalah juga sebahagian dari ciri-ciri minda kelas pertama.

Kualiti staf yang cemerlang adalah mereka yang berkeinginan untuk mencipta dan mencuba sesuatu yang baharu serta memberi nilai tambah ketika menyampaikan perkhidmatan. Besarlah harapan saya agar UMP mempunyai staf yang dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah, adil dan berintegriti yang mampu direalisasikan melalui pembinaan akhlak, moral yang tinggi, budi pekerti mulia serta pemerkasaan kerohanian, etika dan nilai-nilai murni yang luhur.

#### **CREATE:**

**Pejam celik sudah hampir tujuh tahun UMP ditubuhkan. Sejauh mana Tuan Haji melihat pembangunan pentadbiran dan pengurusan universiti berkembang sejajar dengan usianya?**

#### **PENDAFTAR:**

Usia bukanlah laluan yang abadi untuk menjamin peningkatan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan (*skills, knowledge and abilities*). Sebagai seorang Pentadbir adalah wajar melakukan sesuatu yang sepatutnya (*do right things*). Ini disebabkan segala tindakan yang dilakukan adalah berdasarkan apa yang ditetapkan oleh Pihak Berkua Universiti dan bertanggungjawab mencorak UMP menjadi Universiti Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjenama.

Contohnya, segalatindakan mestilah berdasarkan polisi-polisi dan peraturan yang membina kemajuan organisasi seperti akta, perlombagaan, kaedah, statut, pekeliling, surat pekeliling dan arahan pentadbiran. Seseorang pegawai boleh bertindak hanya dalam bidang kuasa (*intra-virus*) dan bukan melebihi bidang kuasa (*ultra-virus*), walaupun tindakan yang diambil itu tidak popular kepada kumpulan sasaran. Sebagai Pengurus pula, biasanya mengatur sumber-sumber mengikut kehendak dan keperluan organisasi (*do things right*). Seorang Pengurus boleh menunjukkan kebolehan dan kreativiti untuk menyumbangkan idea-idea yang boleh memberi keuntungan kepada organisasi. Dengan memahami kebertanggungjawaban, integriti dan kepemimpinan yang bersungguh-sungguh membangun organisasi pembelajaran ini maka pencapaian yang gemilang dan terbilang pasti tercapai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja yang melangkaui usia.

#### **CREATE:**

**Isu-isu pentadbiran sering kali dibangkitkan oleh pelbagai pihak, baik di peringkat tertinggi mahupun di peringkat staf sokongan. Bagaimana Tuan Haji melihat isu-isu yang dibangkitkan dan peranan Jabatan Pendaftar sendiri untuk merungkai dan menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan?**

#### **PENDAFTAR**

Isu dan masalah yang dibangkitkan bukanlah suatu ancaman malahan membawa keberuntungan yang berlipat ganda dengan kematangan yang mendewasakan seseorang pentadbir bersama strategi melahirkan staf yang cemerlang. Sikap staf yang tidak bersemangat, tidak berdisiplin dan tidak bertanggungjawab serta malas; kurang mahir serta tidak kompeten dengan bidang tugas masing-masing terutama sekali bagi staf yang baharu dilantik atau baharu dinaikkan pangkat dan masih belum dapat menghayati bidang tugas dan peranan sebenar yang perlu dilihat sebagai gelagat organisasi yang sejagat. Kegagalan staf untuk menghayati, menjiwai dan mengamalkan nilai-nilai murni, positif, etika serta nilai bersama atau budaya kerja kelas pertama boleh meminggirkan hasrat UMP tidak sepatutnya ‘dikurung minda’ malahan menjadi tanggungjawab bersama seluruh warga kerja UMP untuk merangsang dan menggerakkan ‘gedungan minda’ melahirkan penjawat yang terus berdaya saing dan berdaya tahan.

Sistem kerja organisasi yang kaya dengan

elemen-elemen birokrasi juga boleh menjaskan proses kerja organisasi sekiranya wujud ruang-ruang bagi berlakunya penyelewengan atau salah guna kuasa. Oleh itu, organisasi perlu ‘memperkaya dan memperkasa’ struktur bagi memantapkan elemen keseimbangan dan kesempurnaan dalam setiap aktiviti. Keperluan mengatur pemantauan dan penguatkuasaan yang cekap, berkesan dan teratur dalam mengambil tindakan terhadap pematuhan pekeliling, prosedur serta arahan pentadbiran organisasi juga boleh diamalkan secara menyeluruh. Strategi dan langkah-langkah yang wajar diambil seperti mengadakan aktiviti-aktiviti yang mampu memupuk persekitaran suasana kerja yang lebih kondusif bagi proses pembelajaran. Di mana pembelajaran dijadikan sebagai satu budaya organisasi dan peluang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan diberikan secara saksama.

Meningkatkan kemahiran kerja organisasi menerusi latihan atau kursus adalah sumbangan berpanjangan sepanjang hayat. Memberi galakan secara menyeluruh menerusi budaya korporat organisasi bagi meningkatkan pengamalan, penghayatan serta penambahbaikan diri dalam mempraktikkan nilai-nilai murni, etika kerja dan warga kerja sejati perlu ‘dilangsung-tunaikan’ dalam analisis keperluan latihan yang berimpak membentuk pembinaan kendiri yang tinggi.

Mengubah gaya kepimpinan dengan memberi peluang sejagat dalam proses membuat keputusan serta berkongsi secara langsung visi, misi dan objektif organisasi juga berhemah merungkai permasalahan semasa. Konsep pemimpin sebagai pohon yang rendang, tegap bernaung dan teguh berlindung dapat merungkai halangan melalui jaringan komunikasi. Langkah seterusnya ialah dengan mengenal pasti sistem kerja yang komprehensif dan berkesan bagi membolehkan proses serta prosedur kerja dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mengelakkan sebarang ruang atau peluang berlakunya salah laku dalam organisasi.

**CREATE:**

*Kita sering dengar, kualiti staf di pelbagai peringkat menjadi aset penting bagi kemajuan sesebuah organisasi. Bagaimanakah Tuan Haji melihat peranan Jabatan Pendaftar untuk mendapatkan staf yang berkualiti tinggi dan kompeten bagi memenuhi visi dan misi universiti?*

**PENDAFTAR:**

Pengurusan dan pembangunan sumber manusia akan terus kekal sebagai teras dalam pembentukan dan penjenamaan organisasi. Memandangkan organisasi terus berkembang dengan menawarkan inovatif bagi memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah, maka keperluan mendapatkan staf yang berkualiti dan kompeten berada pada cabaran yang sangat tinggi. Peluang baharu sentiasa muncul dan cabaran baharu juga sedang menunggu. Antaranya, tekanan persaingan yang semakin hebat, yang didorong oleh liberalisasi kewangan dan revolusi teknologi. Cabaran lain termasuk tuntutan pelanggan yang semakin meningkat untuk perkhidmatan nilai ditambah pada kedudukan yang lebih kompetitif, kualiti perkhidmatan yang terbaik dan tahap kecekapan yang tinggi.

Dalam persekitaran yang semakin kompleks, daya saing bergantung pada kualiti modal intelek insan dan mampu menggunakan bakat untuk bersaing dengan berkesan. UMP memerlukan golongan profesional dengan kemahiran dan kepakaran asas, bukan sahaja diperangkat strategik dan pengurusan, bahkan di peringkat teknikal dan operasi. Institusi yang berjaya ialah institusi yang memberi keutamaan yang tinggi bagi penempatan staf yang efektif, ganjaran, pengekalan dan paling penting, pembelajaran sepanjang hayat dan memajukan modal insan secara berterusan. Di peringkat makro, kemahiran yang menyeluruh bagi tenaga kerja menjadi faktor penentu dalam menentukan kejayaan membangunkan institusi yang lebih efisien, efektif dan dinamik. Kewujudan sumber manusia yang mendapat latihan yang mencukupi dan kompeten merupakan faktor utama yang kritikal bagi menyokong prestasi fakulti/jabatan/bahagian. Pada dasarnya, pengukuhan sumber dan keupayaan intelek secara berterusan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan sekumpulan bakat yang lebih ramai dan ahli profesional yang berkaliber

tinggi sesuai dengan keperluan sejagat mendapatkan staf yang berkualiti tinggi dan kompeten.

Dengan bermulanya liberalisasi pengurusan dan pentadbiran, sempadan tradisional perkhidmatan semakin mencabar dalam bentuk dan model pekerjaan yang baharu. Hasilnya, keperluan kemahiran juga berubah sejajar dengan peningkatan kepelbagaian dan kekompleksan perkhidmatan yang terlibat, keperluan semakin canggih, inovasi teknologi, dan pengharapan terhadap pengurusan risiko yang baik. Dalam konteks ini, terdapat keperluan untuk menganalisis kompetensi utama untuk fungsi kerja semasa dan menjangka keperluan kemahiran pada masa hadapan. Ini merupakan cabaran Jabatan Pendaftar untuk membangunkan satu rangka kerja kompetensi yang relevan kepada landskap visi dan misi UMP.

Pembangunan rangka kerja kompetensi yang lengkap merupakan suatu tuntutan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi dalam institusi pendidikan yang cemerlang. Bagi UMP yang berteraskan kejuruteraan, teknologi dan kreativiti, rangka kerja kompetensi akan menjadi sumber rujukan dan rangsangan untuk menangani cabaran masa hadapan. Piawaian kompetensi yang dibentuk dapat menyediakan platform bagi penilaian diri untuk lebih sedar terhadap ‘lompang diri’ bagi memajukan kerjaya seiring dengan tuntutan semasa. Kualiti modal insan akan semakin menjadi penentu utama daya saing. Memiliki kakitangan yang kompeten untuk memberi perkhidmatan berkualiti tinggi adalah kritikal untuk membina keyakinan dan hubungan baik, memacu kepuasan pelanggan, meningkatkan reputasi dan seterusnya merealisasikan wawasan dan matlamat strategik universiti. Oleh itu, adalah menjadi harapan Jabatan Pendaftar untuk terus memastikan mengekal kakitangan UMP yang berkompetensi dan profesionalisme secara lebih komprehensif, dinamik dan progresif dalam kitaran ‘satu wajah’ dan ‘satu wadah’.

**CREATE:**

*Dalam pembangunan modal insan, program latihan untuk staf merupakan satu elemen penting dalam mengerakkan matlamat visi dan misi universiti. Bagaimanakah Tuan Haji melihat perkara ini dan pembaharuan yang cuba dibawa di dalam program latihan di UMP?*

**PENDAFTAR:**

Keperluan latihan perlu dibandingkan dengan kemahiran yang sedia ada dalam organisasi bagi menentukan jurangnya. Jurang inilah yang perlu dipenuhi melalui pelaksanaan program latihan. Program latihan boleh dilaksanakan secara dalaman atau luaran. Semua perancangan latihan seeloknya mengikut perancangan yang ditetapkan dan mendapat komitmen semua pihak. Program latihan adalah satu program yang dibentuk untuk melatih satu kumpulan manusia bagi mencapai satu-satu objektif atau tahap yang diinginkan dalam sesebuah organisasi.

Terdapat pelbagai jenis program latihan yang boleh dilaksanakan di UMP. Pertama Latihan yang diperlukan oleh individu seperti latihan pembangunan refleks yang bertujuan mempertingkatkan kemahiran individu dalam sesuatu kerja. Kedua, latihan memori iaitu bentuk latihan lebih kepada kognitif. Latihan ini kurang menggunakan tenaga tetapi lebih kepada bentuk pemikiran. Ketiga, latihan prosedur turut melibatkan penggunaan skil atau kemahiran individu dalam membentuk atau membuat sesuatu kerja mengikut prosedur yang ditetapkan. Keempat, latihan pengubahan sikap melibatkan sikap dan perilaku. Manakala program latihan dalam organisasi yang lazim dilaksanakan seperti Latihan Orientasi Kerja yang dibentuk bagi pekerja baharu untuk mengenali dan memahami organisasi, memberi semangat dan keyakinan kepada pekerja baharu untuk mulakan kerja, mempertingkatkan komitmen pekerja. Kedua, Latihan Induksi, yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftar bagi melatih pekerja baharu yang tidak mempunyai pengalaman mengenai organisasi supaya lebih bersedia dalam menjalani tugas masing-masing. Ketiga, Latihan Semasa Kerja bagi memantapkan kualiti kerja. Keempat, Latihan Luar Pejabat yang mempunyai pelbagai cara dan bentuk yang boleh dijalankan mengikut kesesuaian tempat dan masa.

Satu lagi penumpuan dalam pembaharuan program latihan yang hendak diterapkan dalam era semasa fokus kepada program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dilengkapi dengan pendidikan asas penguasaan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja. Mereka yang sedang bekerja boleh mempertingkatkan kompetensi

masing-masing untuk terus relevan dalam alam pekerjaan. Peningkatan kompetensi boleh membantu penghasilan produktiviti yang lebih tinggi. Cabaran kita di UMP adalah untuk memastikan program pembelajaran sepanjang hayat, mudah diakses kepada seramai mungkin anggota masyarakat. Sesungguhnya, program pembelajaran sepanjang hayat ini merupakan satu tanggungjawab besar kepada kita semua. Sama-sama kita sebagai satu pasukan, berganding tangan dan menyusun langkah yang padu, maju kehadapan untuk meletakkan harapan yang tinggi bagi melahirkan tenaga pekerja berpengetahuan. Sehubungan itu, setiap fakulti/jabatan/bahagian harus menyerlahkan keupayaannya dengan menjadikan jabatan masing-masing sebagai pusat kecemerlangan. Di sini, Ketua-Ketua Jabatan perlu memainkan peranan besar sebagai pemimpin yang pandai mencari ruang dan peluang untuk menambah baik mutu perkhidmatan bimbingan berkaitan peluang pekerjaan.

Penerapan konsep pembelajaran sepanjang hayat memperkasakan UMP sebagai organisasi pembelajaran. Seperti manusia, organisasi perlu belajar dan terus belajar daripada pengalaman yang terdahulu secara tersusun. Matlamat pembelajaran ini adalah untuk meningkatkan inovasi bagi penghasilkan kerja yang optimum. Organisasi pembelajaran akan mewujudkan budaya pengupayaan (*empowering culture*) di mana kepimpinan, pengurusan dan pekerja menumpukan perhatian kepada pembangunan kompetensi organisasi secara berterusan.

Konsep organisasi pembelajaran iaitu *systems thinking* adalah suatu yang dekat di hati. Di sinilah terletaknya kunci menyerlahkan kekuatan organisasi untuk berjaya. Saya berpendapat penerapan konsep organisasi pembelajaran dan pengamalan prinsipnya akan mampu meningkatkan keupayaan serta memantapkan program pendidikan dan latihan di UMP.

#### **CREATE:**

*Akhir sekali, apakah harapan Tuan Haji dalam memenuhi hasrat UMP untuk menjadi Universiti Teknikal Bertaraf Dunia khususnya yang berkait rapat dengan bidang pentadbiran & pengurusan di universiti ini?*

#### **PENDAFTAR:**

Arus perubahan dunia yang deras merupakan suatu cabaran yang memerlukan kita terus berusaha memantapkan bidang pentadbiran dan pengurusan di universiti ini. Dalam konteks ini, usaha penambahbaikan yang sedang dilaksanakan, harus diteruskan, malah dipertingkat bagi memenuhi ekspektasi perkhidmatan yang semakin tinggi. Komitmen yang berterusan dalam aspek budaya berprestasi tinggi, pengupayaan (*empowerment*), penambahbaikan pengurusan dan penumpuan kepada usaha perkongsian efektif dapat meningkatkan mutu perkhidmatan.

Pendekatan *to strive and make a difference* atau berusaha (berjuang) melakukan perubahan yang signifikan menuntut setiap warga UMP supaya menukar sikap dan minda agar perkhidmatan yang diberikan dapat mencapai standard kelas dunia. Kita harus mengadaptasikan diri kepada persekitaran yang baharu. Tambahan pula, setiap pegawai harus terus meningkatkan keupayaan diri melalui penerapan nilai unggul dan latihan berterusan agar mampu memiliki kepelbagaiannya keterampilan. Mereka perlu dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam suasana tempat kerja yang serba canggih; ditanam, dibangun dan diperkuuh dengan standard akademik dan kemahiran yang tinggi yang boleh membawa UMP menjadi Universiti Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjema.


Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia, pewujudan budaya cemerlang menjadi sesuatu yang imperatif. Budaya dalam erti kata, budi dan daya, harus ditanam dalam setiap sanubari. Elemen asas budaya ini adalah ciri profesionalisme di kalangan warga kerja UMP. Ciri profesionalisme ini termasuk kepimpinan berwibawa dan aluristik, staf yang berdedikasi, berdisiplin tinggi dan mengutamakan kepentingan organisasi melebihi kepentingan diri. Dari sudut ini, penekanan kepada aspek profesionalisme menuntut pengorbanan sama ada secara dalaman atau luaran.

Hasrat pentadbiran yang ingin digapai seterusnya dengan pembentukan agenda pembangunan modal insan dan pembentukan program peningkatan kemahiran. Agenda pembangunan modal insan ini adalah sebagai penyumbang dalam pembangunan sumber manusia berteraskan ‘bina upaya’ (*capacity building*) bagi pengeluaran golongan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*). Manakala program peningkatan kemahiran berupaya memakanisme pengoperasian pelan pengurusan barisan pelapis kepimpinan (*succession planning*) dan pelan pengurusan bakat (*talent management*). Ia juga mempunyai matlamat bagi memastikan keperluan pembangunan modal insan dalam organisasi sentiasa bergerak di atas landasan kecemerlangan.



UMP himpun intelek  
bincang Isu Pembangunan

# Modal Insan





Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pula, persidangan ini adalah medium terbaik bagi memberi peluang kepada pakar dan intelek dari pelbagai profesion membentangkan idea dan pandangan mereka tentang pembangunan modal insan serta berkongsi pendapat dengan peserta-peserta yang terdiri daripada dalam dan luar negara.

Beliau juga menegaskan UMP telah menterjemahkan pembangunan modal insan ini dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang berasaskan *value-based, strategy-focused and performance-driven*.

"Pengertian ini selari dengan konsep gagasan negara, 1 Malaysia - *People First & Performance Now* dan *Excellence, Glory & Distinction*.

"Penubuhan UMP adalah berteraskan *Engineering, Creativity and Technology*. Walaupun penubuhan UMP berteraskan kompetensi yang memfokuskan kejuruteraan dan teknologi, seminar antarabangsa ICONHCD 2009 ini tidak hanya menghadkan semata-mata terhadap "pembangunan modal insan sahaja.

"Perkataan '*engineering*' itu sendiri begitu sinonim dalam merangka kaedah metodologi dalam politik, sosial, mahu pun kewangan.

"UMP akan berusaha untuk mendapatkan ramuan mengenai hubungan kemanusiaan ini dan menjadi universiti contoh," ujar beliau sebelum mengakhiri ucapannya.

Profesor Dato' Dr. Daing juga turut memperkenalkan forum bertajuk '*Enhancing Human Capital Development through Different Roles*' pada hari terakhir persidangan.

Hadir membentangkan kertas kerja ialah Michael A. Potter, seorang Konsultan Antarabangsa dan pakar dalam pembangunan modal insan dari United Kingdom, Associate Professor Dr. Diana Kelly, pengurus Senat University of Wollongong, Australia, Professor Dato' Dr. Aminah Ayob Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Profesor Dr. Haji Azimi Haji Hamzah dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bagi meraikan peserta persidangan, Jamuan Makan Malam juga diadakan di hotel yang sama dan diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kemudahan Asas dan Pengangkutan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd.Soffi Tan Sri Abdul Razak.

Hadir sama ialah pengurusan universiti dan peserta yang terdiri daripada 19 buah negara termasuk Malaysia, Iran, India, Germany, Greece, Algeria, Nigeria, Australia, Indonesia, Dubai UAE, Romania, Pakistan, Jepun, Brunei, United Kingdom, Amerika, Thailand, Nepal, Vietnam, Canada dan Oman.



***"Inilah peluang terbaik bagi kita berkumpul dan mencari jalan penyelesaian dan penstrukturkan semula polisi yang ada bagi memperbaiki kelemahan dan membuka peluang baharu bagi kita terus bersaing dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah."***

- Datuk Maznah Mazlan

## UMP terima kunjungan Presiden MISR University for Science & Technology

Setelah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Misr University for Science & Technology (MUST) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP), MUST mengorak langkah maju kehadapan dalam hubungan antara kedua-dua institusi pengajian tinggi dengan mengadakan lawatan rasmi oleh Presiden MUST, Profesor Dr. Mohamed Rafaat Mahmoud ke universiti ini pada 26 hingga 28 April 2009 baru-baru ini.

Lawatan itu merupakan lawatan kali pertama beliau ke Malaysia. Turut hadir Dekan Kolej Kejuruteraan MUST, Profesor Dr. Kamal Bedwey.

Satu majlis makan malam yang ringkas dan meriah sebagai meraikan kedatangan delegasi dari MUST telah diadakan di Hotel Swiss Garden, Kuantan pada 26 April 2009.

Kedatangan delegasi dari MUST ke kampus UMP telah disambut mesra oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Sabarudin Mohd, Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan-dekan Fakulti dan pegawai-pegawai universiti.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapan alu-aluannya berkata, beliau sangat mengalu-alukan kunjungan sulung delegasi dari MUST untuk mengenali universiti ini dengan lebih dekat lagi.

"UMP dan MUST boleh mula bekerjasama dengan segera dan kedua-dua belah pihak boleh memulakan kerjasama dalam pertukaran staf dan pelajar dan UMP komited untuk merealisasikan kerjasama ini."

"Pihak UMP juga amat berbesar hati menjemput Presiden MUST untuk turut hadir pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-4 yang akan diadakan pada 3 Oktober akan datang," katanya.

Sementara itu, delegasi MUST turut mengadakan beberapa siri perbincangan dengan dekan dan wakil fakulti UMP serta lawatan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di UMP terutamanya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran pada 27 dan 28 April yang lalu.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dipersetujui bersama hasil daripada sesi perbincangan tersebut ialah pertukaran staf dan pelajar (perpindahan kredit), penyeliaan bersama pelajar pasca siswazah, penerimaan profesor tamu dan profesor pelawat, pemeriksa luar dan lawatan kebudayaan pelajar.





## UMP-CHINA Connection

In line with the University's Strategic Planning, a delegation from Universiti Malaysia Pahang (UMP) headed by the Vice-Chancellor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim visited China from 17th - 23rd March recently.

Accompanying him were the Deputy Vice-Chancellor (Academic & International), Professor Dr. Sabarudin Mohd, Dean of the Faculty of Chemical & Natural Resources Engineering, Associate Profesor Zulkafli Hassan and Senior Assistant Registrar of International Office, Arman A.Rahim.

One of the objective of the visit is to sign a memorandum of understanding with three universities in the country namely Beijing International Studies University (BISU), Hebei Normal University (HNU) dan Xi'an Shiyou University (XSU).

Also, a discussion regarding some collaboration projects between UMP and the three universities has also taken place during the visit.

The delegation started off their visit at Beijing International Studies University where both parties agreed to undertake an academic collaboration project.

A number of UMP academic programme at the Bachelor's Degree level will be conducted together with BISU using the 1.5+3 method.

The programme is targeted to start as early as 2010. In addition, the delegation also had the opportunity to interview around 20 postgraduate candidates the country.

They are interested in pursuing their Masters and Doctoral Degree in Malaysia. As a result, a few of them have been invited to send in their research proposal and application to UMP.

The delegation then moved to Shijiazhuang, Hebei. A discussion with Hebei Normal University resulted in an agreement by both Universities to establish a Confucius Institute for Mandarin Language at UMP.

The institute will be run by both Universities and is backed by the China government. It is estimated that the centre will be starting its operation in 2010.

From Shijiazhuang, Hebei, the delegation moved on to the ancient capital of China, the city of Xi'an. At Xi'an Shiyou University, a discussion between both Universities was centred at academic staff and students exchange programme and also towards chemical engineering and petroleum programmes.

In order to get more information and conduct further discussion between both parties, Associate Professor Zulkafli Hassan has been invited to stay an extra one week at the university from 23rd - 29th March.



During his extended stay at XSU, Associate Prof Zulkafli has been able to visit the facilities at the chemical engineering and petroleum faculties as well as meeting key personnel in that particular field.

As a conclusion, the visit to China has been successful in strengthening the relationship between UMP and our partner universities in the country. There is no doubt that UMP has taken a step forward in realising its internationalisation agenda.

Apart from the three Universities visited by the delegation, UMP also has ties with two other Universities from China namely South Central University of Nationalities (SCUN) di Wuhan dan Xinjiang University di Urumqi. Currently, there are around 40 students from China pursuing their studies at the Bachelor's Degree and postgraduate level.



## Pasukan SAE bukti unggul bawa pulang 10 ribu dalam Perodua Eco-Challenge

Universiti Malaysia Pahang (UMP) boleh berbangga dengan keupayaan anak-anak muda dari Society of Automotive Engineers UMP-Chapter (SAE) mencipta sejarah mengungguli pertandingan Perodua Eco-Challenge walaupun berada di tangga kedua dalam kategori Transmisi Manual Jarak Jauh Myvi baru-baru ini.

Kejayaan tersebut membuktikan para pelajar UMP tidak kurang hebatnya berbanding dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang telah lama dalam bidang ini.

Dalam pertandingan tersebut pasukan UMP yang diwakili 17 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) mengungguli kategori Modifikasi Enjin Myvi 1.3 (penjimatan bahan api) dalam kategori manual transmission (M/T).

Pasukan SAE-UMP Chapter terpaksa berpuas hati dengan mendapat tempat kedua selepas berjaya mengubah suai enjin kereta yang mampu menamatkan perlumbaan dengan rekod penggunaan minyak sebanyak 23.1 km/L di belakang Juara kategori, Pasukan Politeknik Ungku Omar (PUO) yang mencatatkan penggunaan minyak sebanyak 25 km/L.

Dengan kemenangan itu, pasukan SAE-

UMP Chapter membawa pulang wang tunai sebanyak RM10,000.

Penasihat Projek, Gan Leong Ming berkata kejayaan ini walaupun hanya tempat kedua adalah di luar dugaan kerana persaingan adalah sengit.

“Kejayaan ini adalah hasil kerjasama serta kreativiti semua pelajar yang terlibat dalam kejohanan ini.

“Ianya merupakan pengalaman yang sangat berharga kepada pelajar terutamanya kepada pemandu Mohd. Farid dan pembantunya Muhammad Asyraf,” katanya.

Gan Leong Ming yang juga pensyarah di FKM berkata setiap pasukan diberikan sebuah kereta Perodua MyVi 1.3L dan geran bernilai RM10,000 untuk mencipta satu kaedah penjimatan minyak petrol yang baharu.

Menurut beliau, keputusan juri ini dinilai berdasarkan pencapaian yang diperoleh oleh para peserta dengan menggunakan kereta Perodua Myvi yang dimodifikasi oleh peserta dengan purata penggunaan minyak (*fuel consumption*) dicatatkan sebanyak 23.1 km/L.

“Pembentangan projek yang baik, kecekapan teknikal dan pengurusan projek yang berkesan

ialah punca kepada kemenangan tempat kedua berpihak kepada kumpulan ini,” ujarnya.

Pemandu utama pasukan SAE-UMP Chapter yang juga merangkap ketua pasukan, Mohd Farid Zainudin berkata bahawa Pasukan UMP mempunyai peluang yang cerah untuk menempah kejuaraan bagi kategori ini.

Namun menurutnya, kegagalan pam minyak untuk berfungsi di awal perlumbaan telah mengakibatkan pasukan dikenakan penalti jarak lebih kurang 4 km.

Sementara itu, Ketua Teknikal, Navindran Subramiam berkata, walaupun agak kecewa dengan kekalahan kepada pasukan PUO, namun beliau tetap berbangga dengan pasukan SAE-UMP Chapter apabila pantas dalam mengenalpasti punca kerosakan dan strategi “*Pit-stop*”.

“Ianya telah berjaya mengekalkan kereta Myvi pasukan UMP di dalam perlumbaan sekaligus dapat mengatasi pasukan dari institusi lain bagi memenangi tempat kedua,” ujarnya.

Perodua Eco-Challenge yang dianjurkan oleh Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) dengan kerjasama Petronas ini diadakan pada 18 hingga 20 Jun 2009 di

Speedway Plus Circuit, KM8, Kawasan Rehat & Rawat Lebuhraya Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Subang Jaya dikhurusnya kepada pelajar kejuruteraan daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia untuk meraih penggunaan bahan api secara efisien.

Hadir merasmikan pertandingan itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif PERODUA, Y. Bhg. Datuk Syed Abdul Hafiz Syed Abu Bakar yang juga Ahli Lembaga Pengarah UMP dan Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Unit Penyelidikan & Pembangunan), Ooki.

Pertandingan yang dianjurkan oleh PERODUA ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta dalam pembangunan kenderaan khususnya dalam aspek pengurangan berat keseluruhan kenderaan (weight reduction), prestasi enjin serta aerodinamik kenderaan bagi setiap kenderaan untuk dimodifikasi mengikut kreativiti para peserta.

Antara universiti yang mengambil bahagian ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Industri Selangor (UNISEL), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



## UMP tingkat kesedaran Sumber Terbuka (*Open Source*)

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyahut saranan kerajaan untuk menggunakan perisian terbuka sebagai langkah bagi menyuburkan lagi industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan serta merancakkan lagi budaya mencipta di negara ini.

Justeru, penganjuran program Kesedaran Sumber Terbuka (*Open Source*) oleh Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dengan kerjasama Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI), UMP pada 27 Jun 2009 lalu bertempat di Dewan Kuliah Utama 1, Blok W, UMP telah berjaya meningkatkan kesedaran kepada lebih 200 staf UMP.

Pelan Induk Perisian Sumber Terbuka (OSS) Sektor Awam telah dilancarkan pada 16 Julai 2004 lalu bagi menggalakkan dan memperluaskan lagi penggunaan OSS di sektor awam.

“Kini rangka kerja (*framework*) sumber terbuka menjadi rujukan bagi semua sektor yang ingin memulakan program sumber terbuka sambil merujuk perbandingan antara perisian sumber terbuka dengan perisian berlesen,” kata Timbalan Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan ICT, Seksyen Open Source & Open Standard Sektor Awam, Unit Permodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Tan King Ing.

Menurut beliau, bagi memastikan sokongan teknikal, Pusat Perisian Sumber Terbuka (OSCC) telah dipertanggungjawabkan untuk membantu pihak MAMPU dalam menyelesaikan isu-isu komuniti serta memberi latihan-latihan yang berkaitan sumber terbuka.

“OSCC berfungsi sebagai penyelaras bagi program latihan dan pensijilan OSS sektor awam, menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan dengan kerjasama pusat pengajian.

“Pelaksanaan Fasa I selama dua tahun telah berakhir dengan jayanya dan Fasa II *Accelerated Adoption* dimulakan sejak Februari 2007 dengan matlamat untuk mempergiatkan lagi pelaksanaan OSS di seluruh sektor awam di Malaysia,” katanya.

Manakala menurut Pengarah ICT Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah (MBMB), Haji Mohsin Sarip, belanjawan dapat dikurangkan melalui penggunaan perisian sumber terbuka kerana tiada kos yang perlu dibayar secara tahunan kepada pihak tertentu atau dengan kata mudah tiada keterikatan terhadap bayaran lesen.

“Malah MBMB berjaya menghasilkan perisian sendiri berdasarkan produk Linux dan kini 99.99% warga MBMB menggunakan *Open Office* sebagai perisian automasi pejabat berasaskan sumber terbuka,” katanya ketika berkongsi pengalaman mengenai strategi, kejayaan dan pelaksanaan sumber terbuka di MBMB sejak tahun 2003.

Menurut Pengarah PTMK pula, Profesor Dr. Abdullah Embong, Jawatankuasa OSS yang ditubuhkan di UMP telah merancang beberapa aktiviti antaranya Tazkirah Mingguan, latihan penggunaan *Open Office*, bengkel pengenalan OS Portal, Seminar OSS dan sebagainya sepanjang tahun ini.

“Pada masa ini, terdapat sesetengah aplikasi seperti dalam Portal telah menggunakan perisian OSS (*Joomla*) dan kita mensasarkan penggunaan secara keseluruhannya pada masa akan datang,” katanya.



# Lonjakan Perdana Ke Arah Kecemerlangan UMP Melalui Transformasi Diri

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

“Sebuah pengalaman yang tidak akan dilupakan,” kata Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Prof. Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa membuat rumusan terhadap Kem Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang: Sasaran Kumpulan Pengurusan Kanan di Mutiara Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut.

Pemukiman selama lima hari mulai 6 hingga 10 Mei 2009 di Mutiara Taman Negara bersama perunding motivasi terkemuka, Dato’ Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah dan Profesor Haji Hanim Mohd Tahir itu benar-benar meninggalkan kesan yang mendalam kepada seramai 32 orang peserta kem tersebut yang terdiri daripada pengurusan kanan, dekan-dekan, pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan UMP.

Jelas beliau lagi, satu Pasukan Petugas akan dibentuk bagi mengenal pasti strategi pelaksanaan modul Transformasi Diri ini kepada warga kerja UMP di setiap lapisan perkhidmatan dan peringkat pentadbiran bagi mengupayakan transformasi UMP ke arah kecemerlangan.

“Kombinasi teknik, sikap dan unsur kerohanian adalah katalis utama bagi merealisasikan hasrat tersebut yang akan menatiahkan anjakan strategi, budaya dan transformasi warga UMP,” tegas Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir.



Menurut Pengarah Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti UMP, Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, modul-modul yang diberikan adalah amat praktikal untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari kerana ia mendidik kita untuk *back to basics* bagi mengupayakan lonjakan transformasi.

Pada hari pertama di kem, kesemua peserta diuji dengan ketahanan fizikal menerusi pengalaman unik memudiki Sungai Tembeling dari Kuala Tembeling ke Kuala Tahan sejauh 69 kilometer dengan menaiki bot.

Manakala pada sebelah petangnya pula, para peserta dibawa memudiki Sungai Tahan yang terletak dalam kawasan Taman Negara Pahang untuk menyaksikan sendiri keindahan hutan yang dianggarkan berusia 130 juta tahun di samping menikmati pengalaman memberi makan ikan kelah liar di Santuari Ikan Kelah Lubuk Tenur dan seterusnya merentasi hutan ke Lata Berkoh.

Selain itu, pada hari kedua, para peserta turut merasai sendiri pengalaman melalui laluan kanopi sepanjang 530 meter yang terletak 45 meter dari aras tanah yang merentasi sebahagian kawasan hutan di Bukit Teresek, Taman Negara.

Laluan kanopi di Bukit Teresek yang merupakan terpanjang di dunia itu ternyata memberikan pengalaman yang amat mengujakan para peserta.

Pada hari-hari seterusnya menyaksikan para peserta menjalani modul interaktif bersama Dato' Dr. Mohd. Fadzilah dan Profesor Haji Hanim menerusi program Transformasi Diri Melalui Hubungan Dengan Tuhan, Keceriaan Diri, Hubungan Kekeluargaan, Pengurusan Stres dan sebagainya.

Sepanjang pelaksanaan modul, para peserta dibimbing melalui analisa kendiri, dialog, kajian kes, runding cara peribadi dan perbincangan.

Pendekatan ‘dekat di hati’ telah digunakan dalam kem ini bagi merangsang pemuaifikatan di kalangan peserta selain untuk meningkatkan semangat kerja berpasukan dan merungkai isu dan masalah pengurusan serta pentadbiran di UMP secara jujur dan ikhlas tanpa prejudis atau halangan.

Bersempena pelaksanaan Kem Transformasi tersebut juga, beberapa aktiviti sampingan turut diatur bagi melebarkan jalinan silaturahim antara UMP dan masyarakat setempat.

Antaranya termasuklah program ceramah amal Dato' Dr. Mohd. Fadzilah selepas solat fardhu Jumaat di Masjid Kampung Kuala Tahan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat yang tidak mahu melepaskan peluang bertemu secara langsung dengan pakar motivasi tersebut.

Ini diikuti dengan program perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Veteran UMP dengan pasukan Veteran Kuala Tahan.

Pasukan Veteran UMP yang diketuai sendiri oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir membuktikan kehebatan mereka dengan menumpaskan Veteran Kuala Tahan dengan jaringan lima gol berbalas dua.



*.....kesemua peserta diuji dengan ketahanan fizikal menerusi pengalaman unik memudiki Sungai Tembeling dari Kuala Tembeling ke Kuala Tahan sejauh 69 kilometer dengan menaiki bot.*



# UMP tawar 30 biasiswa ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran

Warga negara Malaysia dan individu luar negara yang bekelayakan dipelawa memohon biasiswa yang ditawarkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi pembiayaan pengajian peringkat sarjana dan kedoktoran di universiti berkenaan.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) UMP, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata sebanyak 30 biasiswa ditawarkan kepada mereka yang layak untuk mengikuti program penyelidikan sepenuh masa.

"Bagi program peringkat sarjana, setiap pelajar ditawarkan biasiswa berjumlah RM40,000, manakala RM90,000 untuk ijazah kedoktoran (Ph.D) bagi tempoh pengajian antara satu setengah tahun dan dua tahun.

"Ahli Lembaga Pengarah universiti komited melahirkan graduan peringkat ijazah sarjana dan Ph.D bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara serta keperluan industri yang semakin berkembang di negara ini," selepas menyampaikan taklimat pada program Hari Terbuka Pengajian Siswazah di UMP pada 1 April 2009 yang lalu.

Seramai 150 peserta terdiri daripada pelajar tahun akhir UMP dan pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar daerah ini menyertai program berkenaan.

Beliau berkata, Pusat Pengajian Siswazah menawarkan 18 program peringkat sarjana dan 16 program kedoktoran menerusi tujuh fakultinya.

Katanya, kebanyakan graduan lepasan ijazah sarjana muda tidak berminat melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana kerana dipengaruhi suasana persekitan dan beban kewangan.

"Kita mahu menggalakan mereka meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana peluang mengikuti program ijazah sarjana dan PhD sentiasa ada dan bantuan kewangan diberikan,' katanya.

Beliau berkata, UMP sedang menuju ke arah konsep Universiti Berfokus dan berharap dapat melahirkan 50 graduan peringkat sarjana setiap tahun.





Oleh: HELMI MOHAMED ISA

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada pihak industri dan wakil-wakil universiti-universiti telah berkumpul di Forum MTUN Bersama Industri 2009 (FORTUNE 2009) pada 15 April 2009 yang lalu.

Forum yang diadakan di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang itu telah berpeluang untuk berbincang dan mengemukakan pelbagai pandangan mengenai hubungan universiti industri.

Pada tahun ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menjadi pengajur untuk menjayakan FORTUNE 2009.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Musa Mohamad.

Program sehari itu dijayakan dengan kerjasama semua universiti-universiti teknikal yang bernaung di bawah Malaysia Technical University Network (MTUN) iaitu UMP, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

FORTUNE 2009 diadakan untuk membolehkan pihak industri mengenali universiti-universiti teknikal yang ada di Malaysia dengan lebih dekat.

Ianya juga bertujuan untuk mendapatkan sokongan daripada pihak industri dalam melaksanakan pengajaran yang mesra industri di samping mewujudkan peluang-peluang kolaborasi dengan industri melalui pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan, perundingan, keusahawanan dan pengkomersialan.

Program FORTUNE 2009 pada kali ini juga memberi peluang kepada wakil-wakil Alumni MTUN untuk berkongsi pengalaman dan memberi maklum balas mengenai kelebihan dan kekuatan sebagai pelajar yang pernah menimba ilmu di universiti teknikal.

## 200 sertai FORTUNE 2009 di Pulau Pinang



Organized By

Penyelidikan & Inovasi



In Collaboration With



## Malaysian Technical Universities Conference And Exhibition On Engineering And Technology

MU  
20 - 22 J

M.S. Garde



## MUCEET medan pertukaran maklumat antara penyelidik MTUN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama tiga Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah menganjurkan Persidangan Kejuruteraan & Teknologi Universiti Teknikal Malaysia (MUCEET) kali Ke-3 pada 20 hingga 21 Jun 2009 baru-baru ini.

Persidangan dua hari itu yang bertemakan *Commercialization & Enterprise* menjadi medan pertukaran maklumat antara penyelidik bagi meningkatkan kualiti penyelidikan yang lebih bermutu di masa hadapan.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, persidangan itu juga turut menjadi platform untuk membangkitkan isu-isu terkini yang kritikal selain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penyelidik muda dari universiti ini.

Menurutnya, empat Universiti Teknikal iaitu UMP, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

adalah berbeza dari IPTA lain kerana kami berfokuskan kajian dalam bidang teknikal dan kejuruteraan sejarah kemajuan perindustrian negara.

"Rangkaian empat Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) kini lebih sesuai dikenali sebagai Industri-Fokus-Universiti. "Universiti teknikal kini lebih kerap disebut sebagai universiti berfokus dan objektif penubuhan universiti teknikal adalah berpandukan bidang teknikal dan memenuhi keperluan industri," katanya.

Tambahnya, setiap penyelidikan yang dilakukan adalah merujuk kepada pihak industri mengenai pemasalahan dihadapi supaya cadangan kajian yang dikemukakan kepada universiti sejajar dengan keperluan semasa industri.

"Hasil produk kajian yang berpotensi untuk dikomersialkan akan diketengahkan melalui kerjasama dengan pihak industri," katanya semasa berucap di majlis perasmian tersebut.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Datuk Profesor

Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UniMAP, Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal dan Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan UTHM, Profesor Dr. Mohammad Zarar Mohd Jenu.

Penceramah utama pada persidangan tersebut ialah Profesor Emeritus Dr. Takeshi Matsuura dari University of Ottawa dan Profesor Tamu, Profesor Youssef A. Shatilla dari Massachusetts Institute of Technology (MIT).

Terdapat empat tema pembentangan kertas kerja iaitu, Pembuatan, Sains dan Kejuruteraan, Teknologi Terkini dan Sains Kemasyarakatan & Pengurusan yang turut menyediakan hadiah bagi setiap tema.

Selain itu, MUCEET 2009 turut mengadakan Pameran Penyelidikan dan Inovasi MTUN di ruang legar kompleks membeli-belah Berjaya Megamall yang mempamerkan 40 hasil kecemerlangan penyelidikan MTUN untuk dikongsi bersama masyarakat di sekitar Kuantan.



Sementara itu, pada hari terakhir persidangan, enam pemenang pembentang kertas kerja terbaik dan seorang pemenang pembentang kertas kerja terbaik secara keseluruhan telah diumumkan dalam Majlis Makan Malam dan Penyampaian Hadiah MUCEET 2009.

Dua pemenang kertas kerja terbaik bagi kategori Sains & Kejuruteraan dimenangi oleh Afarulrazi Abu Bakar dari UTHM dan Nur Rashid Mat Nuri @ Md Din dari UTeM.

Afarulrazi merupakan pensyarah Kejuruteraan Elektrik dibantu oleh dua pelajarnya, Md Zarafi Ahmad dan Faerah Salwani Abdullah bagi menghasilkan kajian bertajuk 'Design of FPGA Based SPWM Single Phase Inverter'.

Manakala Nur Rashid pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Simulation of an Active Front Bumper System for Frontal Impact Protection'.

Manakala pembentang kertas kerja terbaik bagi kategori Pembuatan dimenangi oleh Muhammad Nafis Osman Zahid dari UMP dengan tajuk 'Improvement of Fishing Reel Design' dan Muhammad Marsudi dari UTHM dengan kertas kerja bertajuk 'Application of

*Queing Theory in Analyzing the Use of Production Capacity'.*

Pembentang kertas kerja terbaik kategori Teknologi Terkini pula dimenangi oleh Mukhzeer Mohamad Shahimin dari UniMAP yang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Optimisation of Polymer Particles Propulsion On Caesium Ion-ExChannel' dan Hamzah Sakidin (UTeM) memenangi kertas kerja terbaik (Sains Kemasyarakatan & Pengurusan) dengan tajuk 'The Effect of Modified UNBabc Mapping Function on the Improvement of Global Positioning System Tropospheric Delay'.

Pembentang kertas kerja terbaik setiap katagori membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,000 setiap seorang.

Pemenang kertas kerja terbaik secara keseluruhan telah dimenangi oleh Mukhzeer Mohamad Shahimin dari UniMAP dengan tajuk 'Optimisation of Polymer Particles Propulsion on Caesium Ion-Exchanged Channel Waveguide for Stem Cells Sorting Applications.'

Beliau telah membawa pulang sebuah komputer riba dan wang tunai berjumlah RM1,000. Hadiah kepada semua pemenang telah disampaikan oleh Naib Canselor UMP.



**Abstract**

Presence of potential bacteria and viruses enteric, undesirable color, tastes and odors in drinking water resulting from cross contamination of rust, silt, scale, mud, microorganisms and colloidal materials has demanded for extra post treatment process for safer potable water consumption. Hence a new innovative asymmetric Ultrafiltration hollow fiber membrane has been developed to treat potable water supply of poor water quality. The main principal advantages of this locally Malaysian membrane are ability to supply higher quality of potable water (surpassing National drinking water standards) that is totally free from colloidal, suspended solids and bacterial contamination. Bio-membrane is locally manufactured using the state-of-the-art production technique which ensures better membrane performance (quality and productivity) compared to the commercially available water filter. Bio-membrane is 83 times better (in term of separation performance) than that the conventional house hold membrane filter. This is due to its smaller pore size (approx. 6 nm or 68 kDa) compared to commercial available filter (0.5  $\mu\text{m}$  to 5  $\mu\text{m}$ ). Its 6 nm pore size, which is 16 times smaller than the bacteria's diameter (100 nm) ensures 100% rejection. Besides its low energy consumption and more economical membrane filter compared to the commercial filter, bio-membrane permeation rate has been innovatively made to sufficient the flow of normal tap water flow rate (from 15 L/min to 20 l/min) and stays more durable (within five years) by manipulating the exclusive membrane recipe during membrane fabrication.

**Product Invention**

Bio-membrane is synthesized from phase inversion technique using a dry-wet spinning machine. This membrane is fabricated from different dope formulation containing polysulfone polymers, additives, N, N-dimethylacetamide and non-solvents. The novelty of this membrane fiber relies on our expertise in manipulating the indigenous polymer formulation blending, rheological (dope viscosity, water activity) and operational process (jet stretch, DER and air gap).



# A Novel Bio-Membrane filter for Drinking Water Purification (BIOMEM)

Inventor: i) Dr. Zularisam Ab Wahid  
ii) Prof. Dr. Ideris Zakaria  
iii) En. Syukor Ab. Razak  
iv) Dr. Mimi Sakinah Ab Munaim



Dr. Zularisam Abd Wahid



A Case study at Taman Mahkota Aman, Gambang Kuantan

**Novelty**

- Bio-membrane is locally manufactured using the state-of-the-art production technique.
- A proprietary solution formulation is used as barrier to discriminate microorganism, turbidity, suspended particle and organic matter.
- Bio-membrane (6 nm) is 83 times better (in term of separation performance) than the conventional house hold membrane filter (0.5  $\mu\text{m}$  to 5  $\mu\text{m}$ ).
- Its 6 nm pore size is 16 times smaller than the bacteria's diameter (100 nm) ensures 100% rejection.
- Its 6 nm pore size is 4 times smaller than viruses size.
- Require low energy consumption which is 0.5 bar to 1 bar.
- More economical (5 times) membrane filter (USD 4.4/m<sup>2</sup>) compared to the commercial membrane filter (USD 20-25/m<sup>2</sup>).
- bio-membrane permeation rate has been innovatively made to sufficient the flow of normal tap water flow rate (from 15 L/min to 20 l/min).
- Stays more durable (within 5 years) by manipulating the exclusive membrane recipe during membrane fabrication.
- Ability to supply higher quality of potable water (surpassing National drinking water standards) that is totally free from colloidal, suspended solids and bacterial contamination.

Perkembangan sistem pengangkutan masa kini memudahkan manusia bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, bagi penganut agama Islam, mereka tetap perlu mengerjakan solat lima waktu tanpa mengira masa dan tempat. Kebiasaan mereka, mereka perlu membawa jadual waktu solat, kompas serta buku rujukan arah kiblat setiap kali ingin pergi bermusafir. Oleh itu, agak sukar untuk mengetahui arah kiblat dan juga waktu solat di tempat yang mereka tuju. Antara teknik terdahulu yang biasa digunakan bagi mengetahui arah kiblat dan waktu solat adalah menggunakan batang kayu yang dipacakkan di bawah sinar matahari. Kini, melalui penyelidikan dan penemuan dalam bidang astronomi telah banyak membantu dalam penentuan waktu solat serta arah kiblat.

Terdapat pelbagai aplikasi di internet yang membolehkan maklumat berkaitan waktu solat dan arah solat boleh digunakan. Pengguna hanya perlu memasukkan maklumat lokasi seperti negara, negeri, daerah serta zon waktu dan semua maklumat seperti waktu solat dan arah kiblat boleh diketahui. Semakin teknologi berkembang, pelbagai syarikat telekomunikasi telah menyediakan kemudahan informasi mengenai waktu solat di serata tempat. Walau bagaimanapun, semua aplikasi tersebut tidak automatik di mana pengguna perlu mengetahui dengan tepat tentang lokasi di mana mereka berada. Teknologi ini amat menyukarkan seseorang dalam mengerjakan ibadah solat.

Menyedari hakikat itu, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Mohd Zamri Ibrahim telah menjalankan kajian terperinci mengenai teknologi satelit serta astronomi Islam dan berjaya menghasilkan sebuah alat elektronik yang dinamakan *Universal Qibla and Prayer Time Finder*. Alat ini dihasilkan dengan menggunakan teknologi *Global Positioning System (GPS)* serta *Auto Calibrated Digital Compass* di mana ia berupaya menentukan waktu solat dengan dan arah kiblat dengan jitu secara automatik.

Kajian ini telah mendapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa apabila berjaya memenangi pingat perak di 19th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2008) pada 9 hingga 11 Mei 2008 di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) dan pingat gangsa di Seoul International Invention Fair (SIIF 2008) pada 11 hingga 15 Disember 2008 di Seoul, Korea.

Dalam usaha untuk menguji ketepatan alat tersebut, Mohd Zamri Ibrahim telah melawat ke Eropah iaitu di Austria dan Hungary untuk membuat ujian lanjut di sana. Kedutaan Besar Malaysia di Vienna telah memberikan kerjasama yang amat besar dalam membuat temu janji dengan Direktor Vienna Islamic Center, masjid-masjid sekitar bandar Linz dan juga di bandar Budapest di Hungary.

Semasa kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia di Austria, Dato' Mohd Arshad Manzoor Hussain, beliau menyatakan rasa bangga kerana ada anak Malaysia yang boleh menghasilkan peralatan tersebut untuk kegunaan umat Islam sejagat. Didapati juga, melalui ujian di Linz dan Vienna terdapat masjid yang menunjukkan arah kiblat yang salah. Penetapan arah telah dibuat semula oleh imam masjid-masjid tersebut dengan menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh penyelidik UMP ini.

Penyelidikan ini sedang dipatenkan dan sekarang ini di dalam proses untuk dikomersialkan. *Universal Qibla and Prayer Time Finder* mempunyai kejituhan yang tinggi dalam menetapkan arah kiblat sehingga 0.10 dan berupaya menyingkirkan kesan gangguan magnet iaitu besi atau medan electromagnet yang dijana oleh alatan elektronik yang terdapat di sekitar seperti televisyen, komputer dan sebagainya.

Selain itu, alat ini juga boleh digunakan oleh orang bukan Islam kerana ia juga dilengkapi dengan kompas yang menunjukkan arah utara dan maklumat dari satelit seperti tarikh, masa, koordinat bumi (latitud dan longitud) di mana ia amat sesuai digunakan oleh pendaki gunung, pelayar dan juga oleh anggota tentera.

# “Universal Qibla and Prayer Time Finder”

– *Teknologi Satelit dan Astronomi dalam Islam*



Mohd Zamri Ibrahim



A novel submerged membrane extractor (SUBMEX) system is developed in order to extract the natural colourants from 'green' resources (*pitaya* fruit waste, *senduduk* and *turmeric*). The membrane is assembled in a modular form with appropriate membrane surface area.

Before designing the SUBMEX system, the identification of the feed solution characteristics is crucial in order to best design the right membrane for the extraction and separation processes.

The SUBMEX practice has shown tremendous economic results by reducing waste generation, involving safe and eco-friendly processes, as well as saving energy and labour costs. In addition the system is compact, easy to operate, portable, produces a small footprint and has the potential to be upgraded or commercialised.

The natural colour produced from SUBMEX does not have any harmful organic solvent content. The application of these natural dyes for textile products does not only represent an interesting possibility to use renewable primary products, but also contributes to the protection of non-renewable resources and the preservation of agricultural areas.



Natural Dyes produced from SUBMEX




Submerged Membrane Reactors (SUBMEX)

# Sustainable Production of Natural Dyes for Textile Product via SUBMEX



Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim



The Raw Materials Used to Produce Natural Dyes

# Perpustakaan anjur Story Telling: *'Been There, Done That...'*

Oleh: RATNA WILIS HARYATI MUSTAPA

Bahagian Pengurusan Ilmu, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan program *storytelling* yang bertajuk '*Been There, Done That...*' di Auditorium Perpustakaan pada 22 Mei 2009 yang lalu.

Program anjuran bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) itu telah mengundang Pensyarah, Profesor Madya Shaikh Nasir Shaikh Ab. Rahman untuk berkongsi pengalaman beliau.

Beliau yang telah bersara pada 1 Julai 2009 mempunyai 30 tahun pengalaman kerja telah menceritakan pengalamannya bermula sebagai jurutera di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada November 1979.

Menurut beliau, pada November 1985, beliau telah ditawarkan sebagai Penolong Pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan dilantik sebagai Pensyarah pada Julai 1994 dan meneruskan perkhidmatannya sebagai Profesor Madya di FKEE.

"Saya juga merupakan antara staf yang membangunkan Universiti Teknologi Malaysia Cawangan Pahang yang kemudian menjadi Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) sehinggalah kepada UMP sekarang," katanya.

Selain dari pengalaman kerja, beliau juga telah menceritakan tentang pengalaman semasa belajar di Australia.

Jelas beliau lagi, kesukaran hidup di negara asing, amalan berjimat dan bekerja sambilan menjadi sebahagian dari proses penting dalam hidupnya.

Beliau melihatkan proses perkahwinan beliau di bumi Kanggaro itu sebagai sesuatu yang amat sederhana.

"Kesederhanaan itulah yang menjadi sebahagian dari cara hidup saya sehingga ke hari ini.

"Pengalaman belajar di luar negara banyak membantu saya dalam memahami masalah pelajar-pelajar yang ada sekarang.

"Antara sifat yang perlu ada dalam diri seorang pendidik ialah sifat ingin belajar, rendah diri, jujur, dapat menyesuaikan diri, kerjasama, amanah, bertanggungjawab, akauntabaliti dan berfikiran positif," ujarnya yang pernah dilantik sebagai Dekan FKEE.



Baginya, pembelajaran adalah sepanjang hayat dan beliau menyarankan agar ahli akademik yang ada sekarang agar aktif dalam penulisan sebagai salah satu persediaan dan perancangan masa depan.

Beliau turut bercadang untuk memberi sumbangan kepada masyarakat setempat tetapi beliau masih lagi mencari ruang yang sesuai bagi sumbangan tersebut.

"Malah, saya juga akan untuk menjadikan bidang penulisan sebagai projek utama selepas persaraan," ujarnya.

***"Antara sifat yang perlu ada dalam diri seorang pendidik ialah sifat ingin belajar, rendah diri, jujur, dapat menyesuaikan diri, kerjasama, amanah, bertanggungjawab, akauntabaliti dan berfikiran positif,"***

# Robani, Roslinda Olahragawan dan Olahragawati terbaik MASUM 2009

Atlit lompat pagar negara, Robani Hassan dan jaguh lompat galah wanita kebangsaan, Roslinda Samsu dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) 2008 yang berlangsung di Hotel M.S. Garden, Kuantan pada 4 April 2009 yang lalu.

Robani, 26, dan Roslinda, 27, yang masing-masing mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membawa pulang wang tunai RM3,000, sebuah trofi serta sijil penghargaan.

Bagi Robani, kejayaan tersebut adalah yang ketiga buat dirinya selepas dipilih sebagai Olahragawan MASUM pada tahun 2004 dan 2005.

Sementara bagi Roslinda pula, ini kejayaan kedua beliau selepas memenangi gelaran tersebut pada tahun 2007.

Seorang lagi atlit kebangsaan dari UPM iaitu jaguh memanah, Cheng Chu Sian turut menerima penghargaan apabila dianugerahkan dengan Anugerah Khas MASUM bersama hadiah wang tunai RM1,000.

Ketiga-tiga atlit kebangsaan itu memainkan peranan penting buat kontinjen negara yang muncul juara keseluruhan di Sukan Universiti ASEAN (SUA 2008) pada Disember 2008 dengan memenangi 90 pingat emas, 78 perak dan 47 gangsa.

Sementara itu, Bintang Harapan Lelaki milik penembak daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmad Zhaffri Zamil, menakala atlit memanah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nurhidayah Abdul Latif pula dipilih sebagai Bintang Harapan Wanita.

Kemenangan itu membolehkan mereka memenangi wang tunai RM1,000 seorang dan sijil penghargaan.

Sukan ragbi yang beraksi cemerlang di SUA 2008 pula dipilih menerima Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik manakala pasukan bola jaring dianugerahkan Pasukan Wanita Terbaik.



Mereka menerima hadiah wang tunai berjumlah RM300 setiap seorang.

Semua anugerah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Muhammad Safian Ismail yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob pada satu majlis gilang-gemilang anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Hadir sama ialah Pengurus MASUM, Profesor Omar Osman, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibarhim serta delegasi dari Thailand, Singapura, Vietnam, Filipina dan Laos.

Dalam pada itu, Robani dan Roslinda ketika ditemui melahirkan rasa gembira dan teruja kerana sekali lagi diangkat sebagai penerima anugerah utama MASUM.

"Tak sangka kerana semua calon hebat-hebat belaka," ujar Roslinda.

Bagi Robani pula, anugerah tersebut bukti bahawa beliau masih lagi bergiat aktif dalam sukan olahraga kerana ramai yang menganggapnya telah bersara setelah mengalami kecederaan pada tahun 2007.

"Ini satu permulaan yang baik untuk saya kembali aktif selepas mengalami kecederaan," katanya.



## UMP tekad bangunkan sosioekonomi masyarakat di daerah Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus memainkan peranan penting dalam mendukung usaha kerajaan membangunkan sosioekonomi dan memajukan masyarakat setempat di daerah Pekan.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP akan terus mengadakan program khidmat masyarakat terutamanya di sekitar kampus bagi dimanfaatkan oleh mereka.

"Ini merupakan inisiatif dan pendekatan terbaik universiti dalam mendukung usaha kerajaan selain berperanan membangunkan modal insan menerusi sains dan teknologi.

"Kami mahu masyarakat Pekan merasai kewujudan universiti ini sebagai satu nikmat pembangunan bukan sekadar mercu tanda semata-mata," katanya ketika berucap di Majlis Mesra UMP Bersama Pemimpin Masyarakat Mukim Kuala Pahang di kampus UMP, Kuala Pahang pada 25 Jun 2009 baru-baru ini.

Menurut beliau, dengan wujudnya kampus UMP di Kuala Pahang, Pekan yang mula beroperasi pada bulan Julai 2009, hubungan mesra dengan para pemimpin setempat adalah perlu bagi memastikan hubungan UMP dengan masyarakat yang berada di sekeliling kampus ini sentiasa harmoni.

"Lebih kurang 2,000 orang pelajar dan staf

dari fakulti Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) akan berpindah pada bulan Julai ini.

"UMP bersedia untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memudahkan cara transformasi dan transisi landskap sosial setempat menggunakan bidang kepakaran yang ada di universiti ini.

"Pihak UMP juga turut mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, apatah lagi kampus tetap UMP terletak di kawasan Parlimen yang diwakili oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak," katanya.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, hubungan UMP dengan masyarakat Pekan telah lama terjalin terutama dalam projek khidmat komuniti sejak dari tahun 2005 lagi.

"Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar di Kuala Pekan telah dipilih oleh FKEE untuk projek kecemerlangan akademik dan hubungan ini berterusan hingga kini.

"Manakala FKM pula telah menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya sebagai sekolah angkat.

"Hubungan yang telah sedia terjalin ini diharap dapat dikekalkan dan persefahaman dan

keharmonian dengan semua pemimpin masyarakat di Kuala Pahang di peringkat awal dapat dieratkan," katanya.

Menjawab soalan daripada wakil masyarakat di kampung berdekatan, beliau berkata, kewujudan UMP di kawasan Kuala Pahang diharap dapat membantu membangunkan kawasan tersebut di samping mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan.

"Perniagaan seperti kedai jualan alat tulis, dobi, jualan makanan, kedai membaiki motosikal dan banyak lagi mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat," ujarnya.

Manakala menurut Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang juga Ketua Wanita Kampung Serandu, Halimah Salleh berkata, tahap ekonomi masyarakat di Kampung Serandu masih jauh ketinggalan berbanding dengan lain-lain kampung berhampiran dan mengharapkan dengan adanya kampus UMP ini akan dapat membantu dalam peluang ekonomi.

"Insya-Allah UMP akan terus meningkatkan lagi keberkesanannya dalam membangunkan sosioekonomi penduduk setempat program pendidikan berterusan, penyelidikan, khidmat kepada dan perundingan serta kemudahan yang secara langsung menjurus kepada memasyarakatkan UMP," katanya.

# Klik-Klik Lensa



**CUBA..** Naib Canselor UMP mencuba motorsikal yang dipamerkan di Pameran MUCEET 2009 di Kuantan, Pahang.



**TENGOK..** Peserta Boling Media UMP 2009 sedang melihat keputusan pemainan mereka.



**MESRA..** Datin Fazia beramah-mesra dengan JKKK wanita kampung sekitar Kuala Pahang, Pekan.



**CEMERLANG..** Salah seorang penyelidik UMP yang telah memenangi pingat di ITEX Malaysia 2009.



**REDAH..** Naib Canselor UMP berjalan kaki menuju penempatan Orang Kita Kampung Simpai.



**BERTUAH..** Naib Canselor UMP menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah Program Boling Media 2009



**PENGALAMAN..** Sebahagian peserta Kem Transformasi Diri yang menaiki bot menuju Taman Negara Kuala Tahan.



**BERSARA..** Naib Canselor menyampaikan cenderamata kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Tuan Sheikh Nasir yang akan bersara sambil diperhatikan oleh Pendaftar UMP.



**CERIA..** Antara staf UMP yang menyertai Kejohanan Sukan Staf Universiti Awam Malaysia.





**KUNJANGAN..** Naib Canselor UMP menerima kujungan Seniman Negara, Senator Tan Sri Jins Samsudin yang merupakan bekas pelakon terkenal satu ketika dulu.




**POTONG..** Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dato' Dr. Sabaruddin Mohd. memotong kek dalam majlis merayakan bella yang menerima pingat daripada KDYMM Sultan Pahang sambil diperhatikan oleh Naib Canselor UMP.



**MANTAP..** Pasukan bola sepak staf UMP yang menyertai Kejohanan Sukan Staf Universiti-Universiti Awam Malaysia di Universiti Malaysia Terengganu.



**TAHLIL..** Majlis Tahlil yang telah diadakan di Kampus UMP Pekan.



**PANJANG..** Naib Canselor UMP berjalan melalui laluan kanopi sepanjang 530 meter merentasi kawasan hutan Bukit Teresek, Taman Negara Kuala Tahan yang merupakan salah satu aktiviti semasa Kem Transformasi Diri.



**JUMPA..** Naib Canselor UMP berjumpa Tok Batin Kampung Simpai.



**TARIK..** Pasukan tarik tali UMP sedang beraksi dalam perlawanan di Kejohanan Sukan Staf Universiti-Universiti Awam Malaysia di Universiti Malaysia Terengganu.



**BERBAKAT..** Kumpulan teater pelajar UMP sedang mempersembahkan lakonan di Kompleks Budaya Pahang.

# Boling Media – UMP medan rapatkan silaturahim



Kira-kira 80 pengamal media negeri Pahang bersama-sama staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai pertandingan boling di Premium Lane, Kuantan Plaza, Kuantan pada 23 April 2009 yang lalu.

Pertandingan kali ketiga anjuran UMP yang diadakan pada setiap tahun itu melibatkan 20 buah kumpulan.

Selain bersukan, perlawanan tersebut turut menjadi medan pertemuan dan jalinan hubungan dalam usaha untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua belah pihak.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berharap, hubungan baik antara kedua-dua belah pihak dapat dikenalkan dan dipertingkatkan pada masa depan.

Turut hadir Pengurus Kelab Media Pahang, Nik Naizi Hussin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus.

Terdapat lima kategori yang dipertandingkan iaitu kategori individu lelaki dan wanita, kategori berkumpulan dan juara longkang bagi individu lelaki dan wanita.

Pertandingan berkumpulan yang membawa pulang sebuah trofi (setiap seorang) dan beg dimenangi oleh Kumpulan 1 yang terdiri daripada Hamzah (New Straight Times), Mustafa Kamal (UMP), Noor Azhar Abdul Rasid (UMP) dan Nasrun (UMP). Kumpulan itu juga turut dinobatkan sebagai Kumpulan Paling Ceria.

Manakala juara individu perempuan pula jatuh kepada Lily (Utusan Malaysia) dan individu lelaki kepada Mustafa Kamal (UMP).

Majlis dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah yang turut dimenangi oleh wartawan dan juga staf UMP.

Pada majlis yang sama, Woo Yik Kee dari China Press telah membawa pulang sebuah TV Plasma 21 inci manakala Azmaidi dari Berita Harian membawa pulang mesin basuh LG 6.6 kg.

Pasukan bola sepak yang diwakili Pegawai Kanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah memenangi Perlawanan Bola Sepak Persahabatan apabila berjaya membolosi gol Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kuala Tahan dengan jaringan lima gol berbalas dua.

Pada awal babak pertama, UMP dikejutkan dengan jaringan dua gol oleh pihak lawan namun UMP berjaya merapatkan kedudukan pada minit ke-18 menerusi jaringan oleh mantan Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC), Mohd Noor Nawi.

Manakala babak kedua pula menyaksikan UMP terus bangkit dengan Ketua Audit Dalam, Mohd Akram Abdul Razak memastikan petang yang gemilang buatnya apabila menjaringkan dua gol pada minit ke-26 dan ke-32.

Sementara itu, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan Pengarah Pusat Pembangunan

Korporat & Pengurusan Kualiti, Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, telah meletakkan pasukan UMP terus di depan dengan masing-masing menjaringkan satu gol pada minit ke-35 dan ke-38 menerusi rembatan kencang dengan menewaskan penjaga gol JKKK Kuala Tahan, Mohd Aluwi Ali.

Perlawanan yang penuh dengan aksi mencemaskan dan semangat kesukaran ini diadakan bersempena dengan Kem Transformasi Diri ke Arah UMP Terbilang pada 6 hingga 10 Mei 2009 bertempat di Mutiara Resort, Kuala Tahan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, perlawanan seumpama ini akan diadakan lagi pada masa depan bagi meningkatkan semangat berpasukan.

Suasana juga turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran para penyokong yang terdiri daripada penduduk kampung Kuala Tahan yang ternyata cukup terhibur dengan aksi-aksi melucukan apabila kedua pasukan bermain dengan memakai kain pelikat.



## Pasukan Bola Sepak Pegawai Kanan UMP tumpaskan JKKK Kuala Tahan



# UMP jalin kerjasama dengan 3 sekolah kluster

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjalankan hubungan kerjasama dengan tiga buah Sekolah Kluster iaitu dengan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART), Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan (MGS) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai Pekan.

Pelbagai program dijalankan berdasarkan kepada bidang kebitaraan sekolah (*niche areas*) iaitu sekolah cemerlang yang mempunyai bidang khusus yang dibangun dan dipertingkatkan untuk melonjakkan kekuatan pada sekolah dan menjadi watak sekolah.

Antara bidang kebitaraan tersebut merangkumi aspek akademik, kurikulum, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Dalam meningkatkan jalinan kerjasama tersebut, baru-baru ini UMP telah menjalankan beberapa program bersama dengan Sekolah Kluster tersebut.

Program-program itu telah dimulakan sejak akhir tahun 2008 dan ianya diteruskan sehingga kini. Antara program-program yang

telah dijalankan adalah seperti program Motivasi Peningkatan Sahsiah Warga Pendidik, Kursus Peningkatan Profesionalisme dan Kursus Bahasa Inggeris kepada guru-guru bukan opsyen.

Program itu telah dilaksanakan secara bersama warga pendidik Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan (MGS). Program jalinan kerjasama antara MGS dengan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP itu telah terpilih sebagai salah satu program yang aktif dilaksanakan pada tahun 2008 berdasarkan pemilihan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Dalam pada itu, beberapa program juga turut diadakan bersama dengan pihak SMART. Antaranya ialah Program *Teenager Research & Development Project*.

Menerusi program tersebut, pelajar SMART diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh tenaga pakar daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dalam membangunkan *solar car*, *solar cooker* dan *rocket parachute*. Kerjasama itu telah membawa hasil apabila SMART telah dipilih sebagai johan di peringkat Negeri Pahang dalam pertandingan *Solar Cooker* tersebut.

Dalam pada itu, kerjasama ini turut dilaksanakan bersama dengan pihak Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) apabila pelajar diberi pendedahan dan menjalankan ujian di makmal FKKSA dalam melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam bidang biodiesel dan bioteknologi.

Selain itu, beberapa program turut dirangka bersama dengan pihak Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai termasuk pihak UMP telah menggubah sebuah Lagu Sekolah di samping menjalankan kajian mengenai murid dan kehidupan Orang Kita. Segala usaha yang dijalankan ini adalah merupakan sumbangan UMP kepada masyarakat luar khususnya kepada warga Sekolah Kluster.

Jalinan kerjasama itu bukan sahaja terhad kepada tiga buah Sekolah Kluster sahaja malahan akan bertambah kepada beberapa buah sekolah dalam Negeri Pahang selaras dengan keputusan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memilih tambahan 60 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan.



Oleh: HAZMIN ARIS

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan seramai 25 orang staf akademik dan pentadbiran Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mempelajari pelaksanaan Amalan 5S di UMP pada 7 April 2009 yang lalu.

Menurut Dekan Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Sidek Abdul Aziz, UMP dijadikan penanda aras bagi membolehkan Amalan 5S dilaksanakan dengan lancar dan berkesan di Fakulti Sains, UPM.

Delegasi juga dibawa melawat ke Makmal Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan jabatan Bendahari yang telah memperoleh Persijilan Amalan 5S .

"Kami ingin menimba pengalaman dan kaedah pelaksanaan amalan 5S di sini."

"Saya sangat kagum dengan pelaksanaan dan pembudayaan Amalan 5S di FKKSA.

"Persekitaran di sini mewujudkan sistem pengurusan makmal yang sangat sistematik, bersih, kemas dan selamat," ujarnya.

Jelasnya beliau lagi, pihak Fakulti Sains UPM akan mencontohi kaedah pelaksanaan Amalan 5S di sini bagi membolehkan makmal kami menjadi sistematik seperti di makmal ini.

"Saya akan memastikan pejabat pentadbiran fakulti kami beroperasi secara sistematik sepetimana yang berjaya diwujudkan di Jabatan Bendahari, UMP," katanya ketika mengadakan lawatan ke Jabatan Bendahari.

Manakala menurut Ketua Unit Latihan Briged 5S yang juga Penyelaras 5S Fakulti Sains UPM, Kamsiah Alias berkata, pihaknya telah mendapat suntikan idea, kaedah, semangat dan motivasi untuk melaksanakan dan membudayakan Amalan 5S di fakultinya melalui pengisian yang diperoleh daripada lawatan ini.

UMP telah mencipta sejarah apabila diiktiraf sebagai universiti awam pertama dianugerahkan Persijilan Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) baru-baru ini.

Antara jabatan yang menerima persijilan tersebut ialah Jabatan Bendahari, Makmal FKKSA, Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (PPJKA) dan Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH).



## Staf Fakulti Sains UPM kagum Amalan 5S di UMP



## Kursus CENFED terima pengiktirafan CIDB Malaysia

Oleh: ZAINAL HJ BAHARI

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah meluluskan permohonan pengiktirafan 20 kursus yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pengiktirafan itu adalah berserta dengan pemberian 14 mata *Continuous Contractor Development* (CCD) kepada setiap peserta kursus.

Sebelum ini, CENFED telah dilantik sebagai Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) bagi mengendalikan dua program iaitu Modul Bisnes dan Modul Sistem Bekalan Air.

Namun bezanya ialah program tersebut diberikan 16 mata CCD.

Mata CCD ini amat diperlukan oleh para kontraktor atau individu yang berhasrat untuk

menjadi kontraktor atau memperbaharui perakuan pendaftaran CIDB.

Merujuk kepada pekeliling Bahagian Pembangunan Kontraktor Bil 2/2008, sistem mata CCD ini akan mula dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2010.

Kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Kursus	Hari	Mata CCD
1.	<i>Certificate in Occupational Safety &amp; Health (OSH)</i>	22	14
2.	<i>Hazard Identification, Risk Assessment &amp; Risk Control (HIRARC)</i>	3	14
3.	<i>Basic OSH Management</i>	2	14
4.	<i>OSH Act 1994</i>	2	14
5.	<i>Mission Critical Risk Management</i>	2	14
6.	<i>Supervisory Skills Course</i>	2	14
7.	<i>Negotiation Skills For Manager</i>	2	14
8.	<i>Marketing For SMIs/SMEs</i>	2	14
9.	<i>Business Law For Entrepreneurs</i>	2	14
10.	<i>Entrepreneurs Project Management</i>	2	14
11.	<i>Total Quality Management For SMIs/SMEs</i>	3	14
12.	<i>Lean Management For Entrepreneurs</i>	2	14
13.	<i>Business Promotional Strategies For Entrepreneurs</i>	2	14
14.	<i>Strategic Planning</i>	3	14
15.	<i>Domestic Wiring</i>	3	14
16.	<i>Process Instrumentation Measurement 1 (Pressure)</i>	3	14
17.	<i>Autocad Level 1</i>	3	14
18.	<i>CAD 2d Fundamental (Level 1)</i>	3	14
19.	<i>CAD/CAM 2d &amp; CNC Application (Level 1)</i>	3	14
20.	<i>Project Management Using Ms Project 2000</i>	3	14

## CENFED terima Geran Tambahan Khas

Oleh: ZAINAL HJ BAHARI

Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menempa satu lagi kejayaan apabila diberi geran latihan tambahan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil & Sederhana (SMIDEC) di bawah peruntukan khas Program Latihan Modal Insan Bagi Keperluan Tenaga Kerja Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Peruntukan khas sebanyak RM300,00.00 itu adalah bagi menjalankan latihan kepada EKS yang beroperasi di ECER. Menurut Pengarah CENFED, Mohamad Rozi Hassan, dengan geran tambahan yang diberikan, dijangka

seramai 400 orang akan menerima faedah daripadanya.

"Walaupun mengakui dalam keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini, EKS lebih berhati-hati dalam memilih kursus atau latihan yang diperlukan.

"Peruntukan awal yang diterima bagi tahun ini telah habis digunakan.

"Sejak CENFED dilantik sebagai *Professional Training Provider* bagi SMIDEC kira-kira setahun yang lalu, pihak kami telah melatih seramai 200 orang EKS daripada pelbagai sektor industri," katanya.





## Ceramah **Kamal Affandy** pikat warga UMP

Ceramah 'Wanita vs Jenayah' yang disampaikan oleh Penganalisis Jenayah daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kamal Affandy Hashim berjaya memikat lebih 350 orang warga Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau merupakan pelakon dan juga pakar dalam bidang jenayah serta sering muncul di kaca televisyen dalam program yang berkaitan penganalisaan jenayah di Malaysia.

Program anjuran Pejabat Naib Canselor dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA) itu diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku 'Haknuk' dan Perasmian Karnival Usahana UMP pada 16 Jun 2009 yang lalu di Dewan Kuliah Utama, Blok W, UMP.

Selain itu, ceramah tersebut turut dihadiri oleh pelajar dan staf dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang berdekatan seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka, UiTM Kuantan, Institut Kemahiran Ikhtisas Pahang (IKIP) dan Kolej Komuniti Kuantan.

Ceramah tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaum wanita khasnya tentang aspek keselamatan diri, keselamatan anak-anak perempuan, penyalahgunaan dadah dan bagaimana cara untuk mempertahankan diri apabila berhadapan dengan masalah jenayah seperti ragut, rogol dan bunuh yang semakin berleluasa di kalangan kaum wanita.



## BKSS lantik Exco dan AJK baharu

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB. RAHMAN

Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Mesyuarat Agongnya Kali Ke-5 pada 22 Jun 2009 bertempat di Dewan Kuliah 2, Blok W, UMP.

Mesyuarat tersebut diadakan untuk membentangkan Laporan Aktiviti Tahunan BKSS sepanjang tahun 2008 dan 2009, Pembentangan Laporan Kewangan, Pembentangan Usul daripada ahli mesyuarat dan Pembubaran Exco dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Sesi 2007-2009.

Bagi lantikan baharu Sesi 2009/2011, mesyuarat telah bersetuju untuk mengekalkan barisan exco tertinggi bagi sesi yang lalu manakala bagi AJK pula akan dibuat lantikan baharu.

Jawatan Pengurus BKSS masih lagi disandang oleh Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.

Pada majlis berkenaan, Tuan Haji Mustafa turut menyampaikan sijil penghargaan kepada semua staf yang terlibat dengan aktiviti dan program anjuran jabatan/unit dengan kerjasama BKSS dan pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sendiri oleh BKSS.

Beliau berharap agar semua ahli BKSS dapat memberikan sokongan terhadap BKSS dengan menyokong aktiviti dan program yang dianjurkan oleh badan.

"Besarlah juga harapan saya agar semua ahli dapat bekerjasama dalam menyalurkan maklumat mengenai perkara-perkara yang melibatkan kebijakan staf untuk diambil tindakan oleh BKSS.

"Keperihatin semua ahli menjamin kecemerlangan BKSS dalam mencapai objektif dan matlamat badan dalam memberikan manfaat dan perkhidmatan yang efisyen kepada semua ahli-ahlinya," katanya.

## Mahasiswa UMP dalam ilmu keusahawanan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Siswa Ke-8 (KAKS) pada 7 hingga 13 Mei 2009 yang lalu.

Kursus tujuh hari yang dihadiri 40 orang mahasiswa itu diadakan di Sweet Beach Resort Tok Bali, Kelantan.

Modul kursus dikendalikan oleh fasilitator di kalangan staf JHEPA, pensyarah-pensyarah UMP dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga turut melibatkan penceramah dari beberapa buah agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Tekun Nasional, SME Bank dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Kursus tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar terhadap bidang keusahawanan dan perniagaan.

Di samping itu, pendedahan yang meluas dapat menggalakkan mereka menceburi bidang ini sebagai kerjaya alternatif seperti slogan Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi sebelum ini, "Keusahawanan Kerjaya Pilihan".

Kursus tersebut dikendalikan menerusi kaedah motivasi dan pendedahan serta pengetahuan mengenai hal-hal asas keusahawanan, cara menyediakan kertas kerja yang baik ataupun rancangan perniagaan bagi membolehkan mereka memohon pinjaman keusahawanan, diskusi dengan usahawan yang telah berjaya dan juga mendalami peluang perniagaan semasa modul analisis peluang perniagaan.

## 800 pelajar UMP sertai gotong-royong tingkatkan kemahiran insaniah

Kira-kira 800 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) terlibat dengan program gotong-royong Komuniti Rakan Siswa (RAKSI) 2009 untuk membersih kawasan sekitar kampus dalam usaha bagi meningkatkan kemahiran insaniah pada 4 April 2009 yang lalu.

Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) Profesor Dr. Abd. Jalil Borham berkata, program membabitkan penuntut tahun pertama itu diadakan bagi meningkatkan kemahiran insaniah sebelum menghadapi alam pekerjaan kelak.

Menurutnya, pelajar perlu bijak dalam bidang akademik, namun aspek kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan, berfikiran kritis, berakhhlak tinggi dan menjaga keterampilan diri juga ditekankan.

"Pelajar juga perlu tahu bagaimana mengawal emosi serta pandai menukar suatu masalah menjadi satu peluang," katanya ketika merasmikan program 'My UMP My Home' di UMP baru-baru ini.

Program tersebut turut dihadiri oleh Jawatankuasa Pelajar Kolej dan felo-felo kolej kediaman serta staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Abd. Jalil berkata, program itu mengandungi dua modul dalam meningkatkan pembangunan komuniti dan menghadapi alam pekerjaan kelak.

"Terdapat empat fokus utama iaitu kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah dan etika serta moral professional," katanya.

Ia merupakan pendedahan yang baik untuk pelajar agar mereka dapat menjawi suasana dan mengamalkan kerja berpasukan seperti gotong-royong membersihkan kawasan kampus dengan konsep mencegah Aedes dan Chikungunya walaupun tiada sebaran kes dilaporkan sebelum ini," katanya selepas merasmikan program RAKSI di sini.

Menurutnya, program ini juga dapat menanamkan semangat kesukarelawanan, kerjasama, kecaknaan dan sayangkan tempat menimba ilmu mereka.

Selain itu, ia juga dapat meningkatkan imej universiti di mata masyarakat sebagai sebuah institusi yang melahirkan bakal-bakal pemimpin di masa hadapan.

Setelah dua hari berkampung di Taman Budaya Negeri Pahang, Kumpulan Teater Senandika Universiti Malaysia Pahang (UMP) boleh menarik nafas lega melihat kejayaan mereka mementaskan empat karya seni mereka kepada orang ramai di Panggung Teater Taman Budaya, Negeri Pahang, Kuantan.

Bertemakan Satu Evolusi, Satu Transformasi, fiesta yang merupakan pementasan sulung yang diadakan di luar kampus itu membuktikan kemampuan pelajar-pelajar dari universiti teknikal bergiat dalam seni teater adalah setanding dengan pengiat teater lain.

Bertempat di Taman Budaya Negeri Pahang, Kumpulan Teater Senandika UMP menampilkan empat persembahan teater yang bertajuk, Ubat arahan Mohd Azlan Umar, Tambat Kaki (Nurul Atikah Abdul Rahim), Teruk (Muhammad Fakhru Shahidan Md Yusof) dan Kerusi (Muhamad Farani Mustafa) arahan dan lakonan sepenuhnya oleh 40 orang pelajar UMP.

Menurut Pengarah Program Fiesta Teater Senandika, Mohd Amiruddin Fadzli Mohamad Zaini, ini adalah kali pertama pementasan teater diadakan di luar kampus dan kali pertama pertandingan teater dilaksanakan setelah enam tahun penubuhan UMP.

“Fiesta teater ini bertujuan untuk memperkenalkan Kumpulan Teater Senandika kepada masyarakat luar kampus di samping mewujudkan jaringan antara Kumpulan Teater Senandika dan kumpulan-kumpulan teater

lain di negeri Pahang.

“Pementasan ini juga sebagai persediaan untuk penyertaan Festival Teater Malaysia Peringkat Negeri Pahang pada bulan Jun 2009 dan Festival Teater MAKUM pada Disember 2009.

“Walaupun kami tidak mempunyai latar belakang teater dan tiada bimbingan dari tenaga pengajar yang berpengalaman, itu tidak mematahkan semangat kami untuk bergiat dalam teater dan menjayakan pementasan ini,” jelas Mohd Amiruddin Fadzli sambil memberitahu latihan lakonan diadakan dalam tempoh persediaan selama sebulan.

Tambahnya lagi, kesungguhan menjalani latihan terbukti berkesan apabila 40 barisan ahli mampu menghayati watak dengan baik sepanjang pementasan.

“Ini adalah kerana minat yang mendalam di samping mendapat sokongan penuh dari pihak pengurusan universiti,” katanya.

Panggung Teater Taman Budaya penuh dengan kehadiran penonton apabila teater Tambat Kaki dan Teruk mendapat sambutan apabila dipentaskan kepada orang ramai.

Jelasnya, selain dari pementasan ini, kumpulan Teater Senandika pernah memenangi tempat ketujuh keseluruhan Festival MAKUM Ke-8 dan tempat pertama antara enam universiti teknikal seluruh Malaysia.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim,

pengurusan UMP memberi sokongan penuh kepada pementasan teater ini yang merupakan salah satu cabang seni kreatif yang sihat yang menggalakkan kreativiti dan personaliti positif pelajar.

“Menyedari pentingnya kreativiti sebagai katalis kecemerlangan sikap dan budaya kerja, pengurusan UMP telah meletakkan elemen tersebut dalam salah satu slogannya iaitu, Engineering, Technology and Creativity,” katanya semasa merasmikan Fiesta Teater Senandika.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pahang, Mohd. Sukarno Abdul Wahab dan Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Datin Hajah Fazia Ali.

Daing Nasir berkata, sensitiviti dan kepekaan pelajar UMP terhadap isu-isu semasa telah dipancarkan melalui sentuhan kreatif mereka dalam teater-teater yang dipentaskan sepanjang fiesta ini.

“Dalam konteks ini, slogan Mahasiswa Jurubicara Masyarakat juga boleh dilebarkan kepada hasil karya kreatif pelajar seperti teater, cerpen dan puisi bagi menyuarakan perspektif dan pandangan mereka terhadap isu-isu semasa.

“Menjadi jurubicara kepada masyarakat menuntut para pelajar menggunakan segala ruang dan peluang yang ada yang disesuaikan dengan pelbagai segmen audien yang ada di luar sana,” katanya.

## Persembahan Kumpulan Teater Senandika UMP dapat sambutan ramai



Kor Sukarelawan Siswa/Siswi Polis (SUKSIS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini telah menyertai cabaran Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang 2009 anjuran Kerajaan Negeri Pahang pada 23 hingga 29 Mei 2009 yang lalu dari Temerloh ke Pekan, Pahang.

Kor SUKSIS UMP berjaya menjulang nama UMP dengan menduduki tempat kedua anugerah Mat Kilau kategori institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan membawa pulang wang berjumlah RM1,000, cenderamata dan juga sijil penyertaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang.

Ekspedisi tersebut diketuai oleh Pegawai latihan Kor SUKSIS, C/Insp. Ismail Abdullah dan disertai dua orang jurulatih serta enam orang anggota.

Latihan intensif menggunakan rakit sebenar telah dilakukan di Sungai Jin, Sungai Lembing dari 21 hingga 22 Mei 2009.

Cabarannya demikian cabaran dan pelbagai halangan dilalui peserta. Pada hari pertama ekspedisi, peserta didedahkan dengan pengalaman untuk menyesuaikan diri dengan suasana sebenar cabaran menyusuri sungai Pahang di mana ekspedisi dilaksanakan secara santai bermula dari Temerloh ke Kuala Triang dengan jarak perjalanan sejauh 24 kilometer dan diikuti pada hari kedua dari Kuala Teriang ke Chenor sejauh 27 kilometer.

Manakala ekspedisi pada hari ketiga pula merupakan cabaran yang paling mencabar iaitu sejauh 56 kilometer dari Chenor ke Salong.

Akhirnya, Kor UKSIS UMP telah berjaya mendapat tempat kelima belas dengan membawa pulang sebuah hamper.

Ekspedisi pada hari keempat pula adalah sejauh 44 kilometer dari Kampung Salong ke Kampung Ganchong.

Manakala pada hari terakhir, peserta terpaksa melalui banyak cabaran dan halangan beting pasir serta rumah pam pasir sejauh 27 kilometer dari Kampung Ganchong ke Esplanade Pekan.



## Kor SUKSIS UMP cipta nama di Ekspedisi Berakit Antarabangsa



# Kor SUKSIS anjur Latihan Luar dan Kursus Asas Pertolongan Cemas

Oleh: MOHD FERDAUS BIN MUSA

Skuad 1 dan 2 Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 5 Mei 2009 baru-baru ini telah menjalani Latihan Luar Siri 1/2009 di Pusat Latihan Felcra Tebing Tinggi, Segamat, Johor.

Latihan yang dibuat serentak dengan Kursus Asas Pertolongan Cemas bagi Skuad 1 itu dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, Asisten Komisioner Junaidi Mashud.

Kursus yang dijalankan itu juga mendapat kerjasama daripada Hospital Daerah Segamat.

CPR Team, Hospital Daerah Segamat turut menyampaikan teori asas dan amali

pertolongan cemas kepada anggota SUKSIS.

Dikesesi akhir latihan, *CPR Team* telah mengadakan ujian bertulis dan amali pertolongan cemas kepada peserta kursus bagi menilai tahap kompetensi yang disasarkan iaitu sekurang-kurangnya 80% markah.

Peserta yang kompeten telah dianugerahi Sijil Kompetensi dan terlatih sebagai pengendali pertolongan cemas serta berupaya membantu memberi bantuan pertolongan cemas pada bila-bila masa.

Manakala di akhir program juga, anggota Kor SUKSIS telah melakukan demonstrasi berbentuk lakonan beberapa kejadian yang memerlukan pertolongan cemas kepada seluruh tetamu.

Demonstrasi tersebut mendapat pujian daripada ACP Junaidi dan Pengarah Hospital Segamat.

Mereka menyifatkan anggota SUKSIS UMP sebagai kreatif dan pantas mempelajari sesuatu kemahiran dengan baik.

Turut hadir Pegawai Turus Jabatan Pentadbiran Ibu Pejabat Kontinjen Pahang, Superintenden Mohamad Laham, Ketua Polis Daerah Segamat dan Pengarah Hospital Daerah Segamat.

## CHEST anjur k-Saintis 2

Hasil kejayaan saintis dan ilmuwan Islam mencipta tamadun suatu masa dahulu telah mencetuskan penganjuran Karnival Sains dan Tamadun Islam 2 (K-Saintis 2) oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST) baru-baru ini.

Karnival yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) itu bertujuan mengimbaskan kembali dan menghayati ilmu sains dalam era kegemilangan tamadun Islam masa lampau.

Menurut Pengarah Program K-Saintis 2, Muhammad Haidar Hussien, karnival itu diadakan untuk memberi kefahaman dan pengisian berkenaan penghayatan Sains dan Tamadun Islam kepada warga kampus UMP dan peserta terlibat.

“Ia juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang pentingnya sains, teknologi dan perniagaan dalam Islam.

“Program tiga hari itu memberi peluang kepada pelajar menjadi usahawan dengan membuka gerai jualan makanan, pakaian, rawatan mata Permata Hijrah dan sebagainya.

“Pelajar perlu ambil teladan daripada orang Islam zaman dahulu yang mana mereka berjaya dalam sains dan teknologi dan dapat menguasai dunia,” katanya

Perasmian K-Saintis 2 telah disempurnakan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Abd. Jalil Borham.

Turut hadir ialah Timbalan Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Naib Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Afif Abdul Aziz.

Bersempena K-Saintis 2 itu juga, para pengunjung yang terdiri daripada seluruh warga UMP turut dihiburkan dengan Konser

Nasyid kumpulan Rabbani.

Lebih 500 warga UMP hadir membanjiri Dataran Mekanikal bagi menyaksikan persembahan yang mengetengahkan genre nasyid sebagai hiburan alternatif ini.

Turut diperkenalkan bakat baharu kumpulan nasyid UMP, Imtiyaz dan persembahan lagu puisi Syi'r.

Selain itu, K-Saintis 2 turut mengadakan ceramah bertajuk ‘Mari Perhati Tentang Tanda’ yang disampaikan oleh Uztaz Azhar Jaafar, Pensyarah Pengajaran Islam, Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP) dan forum bertajuk ‘Sains dan Teknologi Pemacu Kecemerlangan Ummah’.

# 43 pelajar sertai Kem Transformasi Diri untuk pemimpin pelajar

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD. ZAIN

Seramai 43 pemimpin pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengikuti Kem Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang di Institut Pengurusan Peladang (IPP) Rompin pada 21 hingga 23 Mei 2009 yang lalu.

Kesemua para pemimpin pelajar tersebut, yang terdiri daripada Yang di-Pertua dan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pengurus Badan-Badan Pelajar yang lain dibimbing oleh perunding motivasi terkemuka, Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah untuk menjalani pelbagai modul menarik berkaitan Transformasi Diri.

Kem Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang: Sasaran Kumpulan Pemimpin Pelajar itu adalah kesinambungan daripada pelaksanaan program terdahulu pada awal bulan Mei 2009 di Taman Negara yang melibatkan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan Kanan UMP.

Pelaksanaan modul sepanjang kem tiga hari itu turut dijayaikan oleh beberapa perunding motivasi daripada Excel, Ebit Irawan Ibrahim Liew dan Siti Rohani serta penganalisis jenayah terkemuka, Kamal Affandy Hashim.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam ucaptama beliau yang bertajuk "Wawasan Saya Terhadap Kepimpinan Pelajar UMP", Dato' Dr. Daing Nasir menegaskan bahawa pelaksanaan kem ini haruslah dilihat sebagai pelaburan jangka panjang bagi melahirkan generasi pemimpin pelapis negara yang akan memaknakan slogan '1Malaysia' dalam erti kata yang sebenarnya.

Beliau juga menolak tanggapan negatif yang mengatakan pelaksanaan kem ini untuk pemimpin pelajar sedia ada sebagai tidak perlu.

"Impak daripada pelaksanaan kem ini bukanlah terbatas kepada penggal jawatan anda sebagai pemimpin pelajar, namun apa yang diharatkannya ialah kesan jangka panjang di mana anda akan menjadi anak Malaysia yang bersedia mengupayakan transformasi negara dan alumni yang berjasa kepada UMP, hasil daripada penyertaan dalam kem ini," ujarnya.

Malah beliau turut berkesempatan untuk berdialog dengan para pemimpin pelajar selepas ucaptama perasmian tersebut.

Yang di-Pertua MPP, Mohd. Suffi Kamari pula menyifatkan bahawa pelaksanaan kem ini sebagai amat tepat pada masanya.

"Saya percaya bahawa pelaburan pihak universiti untuk mengadakan kem ini adalah satu pelaburan yang menguntungkan."

"Transformasi yang bermula dari dalam diri akan memangkinkan pula transformasi perdana negara melalui kesedaran warganegara, khususnya generasi muda," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman 3, Noor Shahirah Shamsul ketika ditemui pula menyatakan rasa syukur yang tidak terhingga kerana berpeluang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman daripada tokoh terkemuka seperti Dato' Dr. Fadzilah Kamsah dan Kamal Affandy Hashim.

"Interaksi langsung dengan tokoh-tokoh terkemuka memberi peluang kepada para pemimpin pelajar untuk melihat dunia daripada pelbagai sudut pandang."

"Saya amat gembira dapat mengikuti kem ini dan sewajarnya pelaksanaannya diteruskan untuk generasi pemimpin pelajar akan datang," ujarnya.

Bagi Presiden Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal (MECHAPRO), Hilmi Mohd. Zahidi pula, pengisian yang diperoleh daripada modul-modul yang dijalankan akan dimanfaatkan seoptimum mungkin bagi melonjakkan prestasi MECHAPRO melalui Pelan Strategik & Transformasi yang sedang dirangka.

Pendapat tersebut turut dikongsi oleh Presiden Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST), Irwan Syah Md. Zain yang mengharapkan komitmen berterusan pihak UMP untuk menggilap potensi kepemimpinan pelajar melalui program seumpama ini.

***"Transformasi yang bermula dari dalam diri akan memangkinkan pula transformasi perdana negara melalui kesedaran warganegara, khususnya generasi muda."***

# Pelantikan Baharu



**Profesor Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz**  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPPK)  
(Mulai 15 April 2009 hingga 14 April 2011)



**Ir. Zahim bin Sujod**  
Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)  
(Mulai 1 April 2009 hingga 31 March 2011)



**Dr. Md. Mustafizur bin Rahman**  
Timbalan Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Automotif  
(Mulai 17 April 2009 hingga 16 April 2011)



**Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan & Penyelidikan Sumber Alam (CERRM)  
(Mulai 1 April 2009 hingga 31 March 2011)



**Dr. Norrozila binti Sulaiman**  
Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)  
(Mulai 1 April 2009 hingga 31 March 2011)



**Dr. Roziah binti Haji Kambol**  
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajaran Siswazah)  
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST)  
(Mulai 17 April 2009 hingga 16 April 2011)




**Prof. Dr. Razman bin Mat Tahar**  
Timbalan Dekan  
Jabatan Pengurusan Teknologi  
(Mulai 1 April 2009 hingga 31 March 2011)

# Terbitan Terkini

Tajuk: *English for Professional Development for Educators (EPDE)*

Buku ini mengandungi tiga manual yang memfokuskan kepada pembentukan keyakinan diri, kemahiran penyampaian dalam bidang-bidang tertentu dan kemampuan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai konteks komunikasi. Latihan yang diberi lebih menjurus kepada kepelbagaiannya penggunaan bahasa dalam bidang perniagaan, teknikal, kreatif, perundangan dan juga sains. Setiap manual memperuntukkan latihan selama 60 jam.




## EPDE 1 : Developing Language Proficiency Skills

Objektif manual ini adalah untuk membentuk keyakinan diri melalui pendengaran, percakapan, pembacaan dan penulisan. Antara topik yang disentuh dalam EPDE 1 adalah:

- *Listening for Specific Information*
- *Listening Effectively to Presentations*
- *Speaking with Correct Stress, Tone and Intonation*
- *Reading Phonetic Symbols (IPA)*
- *Reading and Understanding a Variety of Text Forms*
- *Learning and Using Appropriate Vocabulary*
- *Writing Effective Reports*
- *Using Grammar Correctly*

Penulis : Wan Jumani Fauzi, Noor Raha Mohd Radzuan, Nor Yazi Khamis




## EPDE 2 : Developing Delivery Skills

Objektif manual ini adalah untuk membentuk kemahiran penyampaian dalam bidang-bidang kepakaran tertentu. Antara topik yang disentuh adalah:

- *Understanding and Developing Presentation Skills*
- *Using of Asking Questions*
- *Give Constructive Feedback and Comments*
- *Use Instructional Language*
- *Responding to Learners' Behaviour*
- *Exploring Commonly Used Terminologies in Specific Areas of Expertise*
- *Understanding Procedures and Outcomes*
- *Teaching Creatively*
- *Carrying Out a Micro Teaching Session*

Penulis : Balan Kunjambu, Nor Ashikin Abdul Aziz, Suriya Kumar Sinnadurai



## EPDE 3 : Developing Effective Communication Skills.

Objektif yang ingin dicapai manual ketiga ini adalah untuk memastikan peserta dapat menggunakan bahasa yang sesuai dan betul mengikut konteks komunikasi. Antara topik dalam manual ini adalah:

- *Differentiating between Formal and Informal Language*
- *Interpreting and Analyzing Information for Effective Communication*
- *Using Culturally Acceptable Language*
- *Using Appropriate Language in Different Context (Discussions, Seminars, Meetings)*
- *Understand and Use Figurative Language*
- *Developing Passion and Appreciation for the Language*

Penulis: Ezihaslinda Ngah, Noor Azlinda Zainal Abidin, Zarina Mohd Ali

# Creating Professional Image in 3 Steps

## 1

### COLOUR



Colour affects people physically and psychologically

- Dark colours – black, navy and darker shades of grey – psychologically connote power, authority, knowledge, responsibility and success.
- Brown shows that you are dependable and stable – however, you lack of power and authority.
- White is a good choice for blouse or shirt since it connotes clean, formal and sophisticated.
- Pastels denote softness and femininity.

For women

- Avoid large amounts of accent colours (colours that are used for emphasis in a colour scheme)
- Avoid wearing neutrals only. Although beige can make you look expensive, it can also look washed out. Add more contrast.
- When introducing a colour into your outfit, repeat it twice.

For men

- Shirt must be lighter than suit or pants.
- Tie must be darker than shirt.
- Tie repeats colour of shirt or pants.

**Every colour has a message of its own. How you put them together sends your message.**

## 2

### STYLE

Here, business casual takes its toll, if it is power and professionalism you want to convey,

- A suit coat with long sleeves, slightly padded shoulders and a collar make you appear one-third more powerful.
- Shoulder pads add authority.
- Pleats and darts add bulks.
- Vertical lines formed by classic three-button jackets contribute to the illusion of heights, as do pun stripes.
- Single-breasted jackets with a centre vent are best for men and women of average height. Double-breasted jackets complement taller people.

**Colour, style and fit provide the one, two, three punch in your appearance arena.**

## 3

### FIT

Few people have ‘hanger figures’. Almost all of you need help to make your clothes look as if they were made for you.

Many stores offer free tailoring. If not, find a tailor who can do wonders with a nip here and tuck there.

Take the shoes and any other items you will wear with the garment so your tailor can work with the real thing. Basic guideline for business wardrobe:

For ladies jacket:

- The jacket should button comfortably
- Lapel should lie flat against chest, not bow apart
- The back collar should hug your neck, not stand away
- Buttons should be spaced to avoid gapping at the bust line
- Must have a good shoulder pad.

For men shirt:

- Button-down collar – least formal option
- Straight collar – most versatile, correct with virtually any suit style; needs collar-stays to maintain crisp appearance
- Regardless of style, the collar edges must lay flat
- The fuller the face, the wider the collar; the slimmer the face, the straighter the collar
- Long, thin neck – high collar stands
- Short thick neck – collars lie flat
- The collar fit - snug

**Knowing you have chosen the right, colour, style and fit for the occasion will give you increased self-confidence, and add immeasurably to your presentation, of yourself, your products and your service.**

Source adapted from

Wendy Lee, a Professional Image Consultant for Chapter One Asia Sdn Bhd, ‘Grooming for Interview and Workplace for Lecturers of UMP’, April 23, 2009

By: SURIYA KUMAR A/L SINNADURAI

Employees' spirits can easily fall if their day-to-day responsibilities are monotonous or if they don't feel valued by their superiors. Over time, this can translate into an unmotivated and unproductive staff. Therefore, it is important to make sure that employees are interested in and appreciated for their work. Use these 15 tips to help improve employees' morale and boost productivity within your organisation.

**Help them wake up.** Mornings can often be the hardest part to some employees' day. Workers who are fighting off fatigue have trouble focusing and getting excited about their responsibilities. Offer freshly brewed coffee or tea to help them to start the day awake and alert. Not only will they be grateful for the caffeine, they will be more productive throughout the day.

**Recognise birthdays and personal accomplishments.** Most employees appreciate it when their supervisors remember their birthdays or acknowledge personal milestones such as having a child or finishing a marathon. Some companies even offer employees a paid day off on their birthdays. Knowing that managers are aware of employees' lives outside of work makes them feel like a valued member of the team rather than just anonymous workers.

**Treat them with respect.** This tip sounds like a no brainer, but it can make a world of difference to employees. Do not swear, lose your temper or ignore your staff, especially in front of other employees. Treat employees with courtesy and respect they deserve like say 'please' and 'thank you', ask about their weekend, or take an interest in projects they are working on.

**Establish an employee recognition program.** Employees want supervisors to be aware and appreciative of their work. Create an employee of the month program or a wall of fame to recognise workers' notable contributions. It demonstrates an employer's appreciation and also offers incentives to other staff to increase productivity.

**Add a personal touch.** If you are particularly impressed with an employee's work, show it. Handwrite a note or send memos or a gift certificate to demonstrate your gratitude. Your personal attention will make the recognised employee feels valued and unique.

**Treat them to lunch.** Order pizza or take employees out to lunch occasionally to keep their spirits high. Getting the opportunity to socialize without

# 15 ways to boost staff's morale

worrying about the bill will put employees in a good mood and help them enjoy their work environment and colleagues.

**Check in with staff members.** Hold meetings with individual workers or groups of employees several times throughout the year to address any questions or concerns that they may have. Even if you don't have a meeting scheduled soon, make sure that employees know that you are always there to address any problems that may crop up. Ask for their feedback and reactions to new company policies, and be sure to update them on what steps you've taken to solve any problems.

**Back them up.** Superiors must support their employees if they encounter problems despite having followed company's protocol. Do not let your workers get yelled at or mistreated by co workers. If you see such conflict, step in and manage the situation. Your employees will be grateful for your intervention; indeed, it is part of your job as a manager to offer strong support.

**Keep training them.** In this ever-evolving world of new technologies and ideas, employees need to stay up to date with developments in their field. Staff members can interpret an employer's unwillingness to invest in training as a disregard for their professional development. They will also be less productive than your competitors' better-trained employees. Enroll workers in classes and send them to conferences to keep them (and your organisation) on top of the game.

**Get to know them.** You do not need to take employees home to meet your parents, but be sure to learn enough about their personal lives to show that you care. For instance, ask about hobbies or interests, find out if they have spouses or children, and talk about your respective plans for the weekend. Staff will appreciate your interest.

**Throw a party.** Though many employees whine about attending office gatherings, most enjoy the chance to socialise with their peers outside the work environment. Celebrate an organisation's family day or throw a holiday bash at the end of the year.

You can also use the gatherings as opportunities to recognise individual employees for outstanding work in front of the entire organisation.

**Bring employees together for a community service project.** Get employees out of the office for an afternoon to take on a community service project together. Help build a house for Humanity or clean up a local charity home. Staff will likely enjoy the opportunity to give back to their local community, and they might also learn important team skills by collaborating in a new environment.

**Offer financial rewards.** Performance bonuses are easy ways for managers to show appreciation for employees' outstanding achievements. There is no doubt that workers like them.

**Encouraging Open Communication.** Many organisations suffer due to an actual or perceived feeling of - it is an "us" and "them" culture between the management and staff. If workers feel there is an imaginary white line between themselves and management, they will often become resentful. Thus, it is important to have regular meetings between management and staff. This will give the management opportunities to discuss any new development that may affect the employees but, more crucially, allow employees to express any opinion or problem they might be facing with the work and how it can be solved.

**Conduct employee satisfaction surveys.** If nothing you do seems to be improving employees' morale, conduct a survey to determine what is making them unhappy. Be sure to address any issue you uncover promptly and thoroughly to avoid losing workers for good.

In short, an unhappy employee is an unproductive employee. Your organisation needs to pursue policies like the ones mentioned above to help your organisation becomes a more enjoyable place to work. Not only will employees start to look forward to their workdays, but your organisation will benefit from newfound efficiency.

Adapted from: <http://www.hrworld.com/features/ways-boost-employee-morale/>

Writer is a Lecturer at Centre for Modern Languages & Human Sciences, UMP




Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity



# Regional Conference on **Environmental and Earth Resources**

# **RCER'09**

**"Conservation & Sustainability"**



Organizer:

Faculty of Civil Engineering & Earth Resources, Universiti Malaysia Pahang

Supported By:



Ministry of Higher  
Education Malaysia



Ministry of Natural  
Resources and  
Environment Malaysia



Pahang State  
Government



Department of  
Irrigation and Drainage  
Malaysia



Indah Water Konsortium  
Sdn. Bhd.



Tourism Malaysia

**7 - 8 December 2009**  
**M.S. Garden Hotel, Kuantan, Pahang, Malaysia**





## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang

Kuantan, Pahang

Tel : 09 549 2051

Faks : 09 549 3199

e-Emel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)